

"DAN serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang (ke Baitullah) dengan berjalan kaki dan dengan menanggung berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya daripada berbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak untuk dijadikan korban, dengan yang demikian makanlah kamu daripada daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Haj, ayat 27-28.

MEMACU KERJASAMA ASEAN YANG DINAMIK, BERTERASKAN RAKYAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para pemimpin ASEAN bagi menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 di Mactan Expo, Cebu City, Republik Filipina. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi (Lihat muka 4)



Berita Utama



USAHA kolektif ASEAN memperkukuh integrasi ekonomi serantau

Muka 9



PESERTA Program Pembangunan Eksekutif diraikan

Muka 11

Terapkan sikap profesionalisme, integriti tonggak keunggulan JBP

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 7 Mei. - 66 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Ia merupakan satu perjalanan yang telah membentuk Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sebagai sebuah institusi keselamatan awam yang teguh dan dipercayai oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Ke hadapan, JBP hendaklah terus memperkukuhkan kesiapsiagaan dan keupayaannya melalui pemanfaatan teknologi yang bersesuaian, pembangunan sumber manusia kerjasama strategik antara agensi, selaras dengan semangat Whole of Government dan Whole of Nation.

Sikap profesionalisme, integriti, disiplin dan semangat kerja berpasukan hendaklah sentiasa diterapkan agar jabatan ini terus kekal unggul sebagai barisan hadapan dan diyakini serta dipercayai rakyat dan negara.

>> Muka 12

Rombongan terakhir bakal jemaah haji negara bertolak

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Khamis, 7 Mei. - Penerbangan keempat bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bertolak meninggalkan negara ini pada pukul 11.57 pagi tadi (waktu NBD) dengan menggunakan pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RB) B14207 dan dijangka tiba di Madinah Al-Munawwarah pada pukul 5.15 petang waktu Madinah. Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji

termasuk para Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan Balurih Travel Sdn. Bhd. ialah seramai 240 orang.

Daripada jumlah berkenaan, Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) seramai tiga orang, manakala DSSB seramai 95 lelaki termasuk dua pegawai syarikat dan 115 orang perempuan termasuk seorang pegawai syarikat dengan jumlah 210 orang.

>> Muka 9

Memastikan PA kekal relevan, berdaya saing, memenuhi keperluan negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Ketiga-tiga Program Pembangunan Kepimpinan, iaitu Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO), Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMO), dan Program Eksekutif Muda (YEP) mempunyai sinergi kepimpinannya

yang tersendiri.

Pegawai muda membawa tenaga, idea dan perspektif baharu; pegawai peringkat pertengahan pula memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelaksanaan dasar serta menyelaras operasi organisasi sesuai dengan pendedahan, pengalaman dan pengetahuan diperoleh dan dilaburkan di dalam perkhidmatan.

>> Muka 11



BFI-UNISSA memperkukuh kerjasama strategik sektor industri, akademik

Muka 18



KESIAPSIAGAAN JBP menghadapi cabaran kecemasan

Muka 27

Lawatan Rasmi perkukuh perkongsian strategik NBD - Republik Demokratik Timor-Leste

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalatu Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee
Ajma'een, Waba'du.

BETA amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan delegasi ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Lawatan ini membawa kepentingan yang istimewa. Pada waktu yang paling tepat setelah Timor-Leste rasmi menjadi anggota ke-11 ASEAN, satu peristiwa bersejarah dan paling penting, yang mencerminkan bukan sahaja pencapaian tetapi juga keazaman.

Laluan Timor-Leste ke ASEAN bukanlah mudah. Ia memerlukan ketabahan, disiplin dan komitmen yang tidak berbelah bahagi.

Pencapaian ini adalah bukti kepimpinan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan keazaman rakyat Timor-Leste untuk menjamin masa depan yang stabil dan makmur. Hari ini,

Timor-Leste menyertai ASEAN bukan sahaja sebagai pemerhati tetapi sebagai peserta dan yang penting sebagai penyumbang bersedia untuk mengukuhkan daya tahan kolektif kita dan membantu membentuk masa depan rantau ini.

Ketegangan baru-baru ini di Teluk Parsi menggambarkan bagaimana perkembangan di satu rantau dengan cepat boleh memberi implikasi yang lebih luas untuk keamanan, keselamatan dan kestabilan ekonomi di rantau lain.

Berdasarkan latar belakang ini, komitmen kita terhadap kerjasama dan prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Piagam ASEAN dan undang-undang antarabangsa mesti kekal mantap, konsisten dan boleh dipercayai sepanjang kita memajukan aspirasi bersama kita dalam ASEAN.

Sebagai rakan kongsi rapat, NBD dan Timor-Leste mempunyai pendirian yang baik untuk memperdalam kerjasama, secara dua hala dan dalam ASEAN dalam cara yang praktikal, membina dan berpandangan jauh ke hadapan.

Oleh itu, dokumen yang ditandatangani semasa lawatan TYT mencerminkan komitmen bersama ini. Mereka menandakan kemajuan konkrit dalam mengukuhkan perkongsian kita dan menyokong pembangunan berterusan, sambil meletakkan asas untuk faedah yang ketara dan berkekalan untuk rakyat kita.

Memandang ke hadapan, NBD kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi sempena Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam pada Isnin, 4 Mei 2026 di Istana Nurul Iman.

Timor-Leste untuk memajukan Visi Komuniti ASEAN 2045.

Sebagai penutup, beta ingin mengucapkan

tahniah kepada TYT, kerajaan dan rakyat bersempena Sambutan Independence Restoration Day Ke-24 pada akhir bulan ini.

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	21	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	AHAD	22	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	ISNIN	23	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
12	SELASA	24	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40
13	RABU	25	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	KHAMIS	26	4.35	4.45	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	JUMAAT	27	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 9 MEI 2026

Jauhilah perbuatan buli

BULI adalah perbuatan tingkah laku agresif yang berlapang dan bertujuan untuk menyakiti individu lain, sama ada dari segi fizikal, mental ataupun emosi. Gejala buli boleh berlaku di mana sahaja sama ada di rumah, di institusi pendidikan, di tempat kerja, di jalan raya, di kawasan kejiranan mahupun di dunia maya. Tindakan ini dapat terjadi di pelbagai tempat, termasuk di lingkungan sekolah, tempat kerja, bahkan dalam lingkungan keluarga.

Tindakan buli dianggap sebagai perbuatan yang sangat tercela. Islam adalah agama yang menghormati nilai-nilai kemanusiaan, termasuk prinsip untuk menghormati dan peduli terhadap sesama manusia. Justeru itu, Islam melarang segala bentuk perilaku yang dapat menyakiti atau merendahkan orang lain, termasuk pemulian.

Buli boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu yang pertama ialah buli lisan iaitu menggunakan perkataan untuk menyakiti seseorang seperti memanggil seseorang dengan nama yang menyakiti, mengusik atau mengejek, menggunakan perkataan kasar atau keras pada seseorang.

Kedua, buli fizikal iaitu bertindak kasar atau agresif kepada seseorang atau benda kepunyaannya seperti memukul, mengambil wang atau barang berharga seseorang, melontar sesuatu, memusnahkan harta atau barang kepunyaan seseorang.

Ketiga, buli sosial iaitu menyakiti seseorang dengan menyebabkan kemudaratan ke atas orang lain seperti menyebarkan khabar angin mengenai seseorang, meminta orang lain agar tidak berkawan dengan seseorang dan mengasingkan atau memulaukan seseorang daripada kumpulan. Keempat, buli siber iaitu buli melalui penggunaan komputer, telefon bimbit atau apa jua pun media elektronik yang lain.

Islam mengharamkan buli kerana ia merupakan perilaku yang melukai perasaan orang lain dan dapat merosak martabat kemanusiaan. Terlepas dari alasan apa pun, Islam secara tegas melarang umatnya melakukan buli. Bagi para pelaku yang telah melakukan buli, mereka seharusnya meminta maaf kepada mangsa buli agar dosa-dosa mereka diampuni oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita mentarbiah diri kita, keluarga dan masyarakat dengan saling menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat, apatah lagi yang membawa kepada perbuatan zalim dan penganiayaan seperti buli.

Gunakanlah akal fikiran yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan wajar dan sebaik-baiknya. Jauhilah dan elakkanlah perbuatan buli dan laksanakanlah peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai seorang anak, ibu bapa, ahli keluarga, guru, murid, sahabat, majikan dan rakan sekerja untuk mengatasi dan mencegah perbuatan buli. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Radio Televisyen Brunei



CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Cebu City, Republik Filipina selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 dan Sidang Kemuncak Berkaitan sejour sahaja selesai Majlis Santap Malam Gala, malam tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Pangkalan Udara BGEN Benito Ebuena bagi menyebarkan ucapan selamat berangkat terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Secretary of Social Welfare and Developments, The Honourable



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Cebu City, Republik Filipina. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan kiri). Sementara gambar atas, baginda dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Rexlon T. Gatchalian dan para pegawai daripada Republik Filipina.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik

Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan serta para pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Manila.



Kebawah DYMM berangkat ke Majlis Santap Malam Gala

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta tetamu khas yang menghadiri

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 dan Sidang Kemuncak Berkaitan, yang dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos, Jr., selaku Pengerusi ASEAN dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Mactan Expo, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri.

Majlis tersebut dihiburkan dengan beberapa persembahan kebudayaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala (atas), sementara gambar bawah kiri dan bawah, baginda berkenan bergambar dan bersalaman dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos, Jr., selaku Pengerusi ASEAN dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.



Memacu kerjasama ASEAN yang dinamik, berteraskan rakyat

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat bersama para pemimpin ASEAN bagi menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48; dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 di Mactan Expo, Cebu City, Republik Filipina.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Perbincangan pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 ini tertumpu kepada

keselamatan dan kedayatahan tenaga serantau; keselamatan makanan; serta keselamatan rakyat ASEAN.

Semasa sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik tema Pengerusiaan Republik Filipina, iaitu 'Navigating Our Future, Together', yang amat bertepatan memandangkan persekitaran global yang semakin kompleks yang dihadapi oleh ASEAN.

Dalam tempoh dua dekad yang lalu, ASEAN telah menghadapi pelbagai krisis serantau dan antarabangsa - termasuk kejutan kewangan, pandemik dan bencana alam - di mana pengalaman - pengalaman tersebut telah membuktikan bahawa ASEAN adalah paling kukuh apabila ia kekal bersatu, praktikal, dan berteraskan rakyat.

Menyentuh mengenai krisis di Rantau Teluk, Kebawah Duli Yang

Maha Mulia menekankan bahawa ini merupakan peringatan selanjutnya bahawa cabaran-cabaran ASEAN saling berkait rapat, dengan pasaran tenaga yang tidak menentu, harga yang semakin meningkat, tekanan ke atas pengeluaran makanan, peningkatan kos logistik serta ketidakpastian perdagangan dan pelaburan, semuanya memberi kesan langsung kepada rakyat di rantau ini.

Baginda seterusnya mengalu-alukan pemeteraian Visi Komuniti ASEAN 2045 sebagai panduan jangka panjang yang jelas ke arah ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik, dan berteraskan rakyat. Bagi merealisasikan visi ini, kerjasama praktikal yang mengukuhkan daya tahan dalam bidang-bidang yang paling penting adalah diperlukan.

Mengenai kerjasama tenaga, Kebawah DYMM menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha berterusan untuk melaksanakan ASEAN Petroleum Security Agreement, memperluaskan ASEAN Power Grid dan memajukan Trans-ASEAN Gas Pipeline, serta menggalakkan penerokaan langkah-langkah

keselamatan tenaga bersama Rakan-Rakan Dialog, dengan mengambil pengajaran daripada mekanisme serantau yang berjaya.

Justeru, ASEAN perlu menangani rangkaian hubungan tenaga dan makanan bagi memastikan keselamatan makanan, memandangkan kenaikan harga bahan bakar memberi kesan kepada pengeluaran, pengangkutan, baja, dan kos makanan di seluruh rantau ini.

Pengukuhan rizab kecemasan seperti ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR), penambahbaikan perkongsian maklumat, peningkatan produktiviti dan pemerksaan kerjasama teknologi seterusnya dapat membina jaringan keselamatan yang lebih kukuh bagi rakyat rantau ini.

Akhir sekali, Kebawah DYMM bertitah bahawa dalam keadaan krisis, ASEAN tidak boleh sesekali melupakan keluarga ASEAN dan dalam hal ini, mengakui manfaat peningkatan bantuan konsular di negara-negara ketiga melalui perancangan kontingensi

bersama dan protokol tindak balas pantas. Dalam usaha ASEAN mengemudi masa depannya bersama-sama, daya tahan rantau ini akhirnya akan dinilai berdasarkan perbezaan praktikal yang dibawanya kepada kehidupan rakyatnya, sama ada melalui tenaga yang stabil, bekalan makanan yang selamat, atau komuniti yang lebih selamat.

Pada penghujung Sesi Plenari, tiga dokumen telah pun diluluskan, iaitu: Cebu Protocol To Amend the Charter of the Association of Southeast Asian Nation; ASEAN Leaders' Declaration on Maritime Cooperation; dan ASEAN Leaders' Declaration on the Response to the Middle East Crisis.

Pada Sesi Retreat yang berlangsung di Shangri-La Mactan, Kebawah DYMM bersama para pemimpin ASEAN bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, termasuk kapasiti ASEAN dalam menangani serta mengurangkan impak yang timbul daripada ketegangan geopolitik.

BERANGKAT KE MAJLIS PEMBUKAAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-48

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 di Mactan Expo, Cebu City, Republik Filipina.

Berangkat mengiringi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Presiden



Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos

Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48, yang juga dihadiri oleh para pemimpin ASEAN ini dimulakan dengan lagu tema ASEAN, 'The ASEAN Way', diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, di mana Tuan Yang Terutama mengalu-alukan kehadiran para pemimpin dan delegasi bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 di Cebu City.



MAJLIS Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 juga dihadiri oleh para pemimpin ASEAN.

Berangkat ke Majlis Santap Malam

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman, Hos Foto

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos yang berlangsung di Cowrie Cove, Shangri-La Mactan Resort, Cebu, malam tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri.

Turut hadir pada Majlis Santap tersebut ialah para pemimpin ASEAN lain yang berada di Cebu bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 pada Jumaat, 8 Mei 2026.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

TINGKATKAN INTEGRASI SERANTAU DALAM BIDANG MAKANAN, TENAGA, KESALINGHUBUNGAN, LOGISTIK



CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Sidang Kemuncak Khas BIMP-EAGA, yang berlangsung di Shangri-La Mactan Resort, Cebu.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah

paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak Khas berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah menekankan ketidaktentuan global semasa mempengaruhi pasaran tenaga, rangkaian bekalan dan sistem makanan.

BIMP-EAGA mempunyai potensi yang besar, memandangkan kekayaan sumber aslinya yang kaya serta kapasiti pertanian, untuk menyumbang kepada

kestabilan serantau dan sekuriti makanan.

Oleh itu, baginda menegaskan keperluan untuk memperdalamkan kerjasama dan meningkatkan integrasi serantau, khususnya dalam bidang makanan, tenaga, kesalinghubungan dan logistik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut menekankan kerjasama tenaga sebagai satu keutamaan, termasuk usaha untuk menaik taraf dan menghubungkan grid tenaga di kawasan luar bandar dan terpencil.

Ia juga penting untuk merapatkan jurang digital melalui peluasan kesalinghubungan jalur lebar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak Khas BIMP-EAGA. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

bagi meningkatkan akses pasaran, mempertingkatkan kecekapan dan memacu inovasi dalam ekonomi luar bandar.

Sehubungan itu, baginda menggalakkan pengoptimuman koridor ekonomi yang direka bentuk semula bagi menarik pelaburan dalam sektor makanan dan tenaga serta memperkukuhkan peranan BIMP-EAGA sebagai sumber barangan dan perkhidmatan penting yang boleh dipercayai.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM menegaskan semula sokongan terhadap Wawasan BIMP-EAGA 2035 sebagai rangka kerja bagi

pertumbuhan yang berdaya tahan, inklusif dan mampan, serta menekankan kepentingan penubuhan sebuah sekretariat yang beroperasi sepenuhnya bagi memastikan penyelarasan yang berkesan serta pelaksanaan komitmen yang tepat pada masanya.

Pada penghujung Sidang Kemuncak Khas tersebut, Kenyataan Bersama Sidang Kemuncak Khas Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia - Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) 2026 telah diluluskan.

NBD-REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM TERUS MENGUKUHKAN PERSAHABATAN, HUBUNGAN MUHIBAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Lê Minh Hung (atas dan atas kanan).


CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Lê Minh Hung.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri dan mengalu-alukan kerjasama erat bersama TYT bagi mengukuhkan persahabatan dan hubungan muhibah antara kedua-dua buah negara, yang terus mempunyai kerjasama baik dalam bidang perdagangan, tenaga dan hubungan antara rakyat.

Baginda turut mengimbas kembali Keberangkatan Negara baginda ke Republik Sosialis Viet Nam tahun lalu serta perbincangan yang



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

produktif bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam ketika beliau menjawat jawatan Setiausaha Agung Parti Komunis dalam memajukan Perkongsian Komprehensif.

Berikutan situasi geopolitik yang semakin kompleks, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah bahawa adalah penting bagi kedua-dua pihak untuk terus bekerjasama dalam menyokong antara satu sama lain serta memelihara keselamatan dan kemakmuran kedua-dua buah negara.

Dengan mengambil maklum bahawa Republik Sosialis Viet Nam selaku rakan kongsi tenaga yang utama, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan penghargaan atas usaha sama yang telah dilaksanakan selama ini, dan menyambut baik hasrat Republik Sosialis Viet Nam

untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam sektor minyak dan gas, termasuk dalam pembekalan bahan api Jet A-1 bagi membantu memenuhi keperluannya.

Tambahan lagi, baginda bertitah turut mencadangkan agar sektor swasta dari kedua-dua buah negara mengadakan perbincangan bagi meneroka sektor tersebut dengan lebih lanjut.

Sementara itu, dalam bidang-bidang kerjasama yang lain, Kebawah DYMM bertitah mengalu-alukan lebih banyak hubungan antara pemiagaan dalam industri agrimakanan ke arah mencapai sasaran perdagangan baharu sebanyak USD1 bilion menjelang 2030. Perkembangan di Teluk Parsi telah memberi kesan buruk kepada ketenteraman global dan mengganggu rantaian bekalan tenaga.

Ke arah itu, Kebawah DYMM

bertitah menegaskan semula bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) komited untuk bekerjasama rapat dengan Negara-negara Anggota ASEAN dalam mempertahankan sistem pelbagai hala yang terbuka, inklusif dan berasaskan peraturan, yang akan kekal sebagai kunci kepada memastikan kestabilan dan kemakmuran jangka panjang.

Mengenai situasi di Republik Kesatuan Myanmar, baginda bertitah menyatakan bahawa NBD akan terus menyokong Republik Kesatuan Myanmar dalam melaksanakan Five-Point Consensus, yang dipimpin dan dimiliki oleh Republik Kesatuan Myanmar.

Mengakhiri titah, Kebawah DYMM mengundang TYT bagi mengadakan lawatan ke NBD, serta menyatakan sokongan penuh NBD terhadap Republik Sosialis Viet Nam selaku Pengerusi APEC pada 2027 dan menyampaikan ucapan selamat maju jaya dalam persiapan APEC nanti.

Berangkat tiba di Cebu City, Republik Filipina



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Cebu City, Republik Filipina. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, kanan dan bawah).



CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 6 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Cebu City, Republik Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 serta Sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 7 hingga 8 Mei 2026.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pangkalan Udara BGEN Benito Ebuen, Cebu, dijunjung oleh Secretary of Social Welfare and

Developments, The Honourable Rexlon T. Gatchalian; Gabenor Cebu, Ms. Pamela S. Baricuatro; Mayor of Lapu-lapu City, Cebu, Ma. Cynthia Chan; Philippines Presidential Chief of Protocol, Ms. Reichel Quinones; dan pegawai-pegawai kanan Republik Filipina.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Cebu City, Republik Filipina. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Cebu City, Republik Filipina bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 serta Sidang

Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 7 hingga 8 Mei 2026. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned. Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Rimba bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka-paduka anakanda dan

adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Suffri Bolkhiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Tiada kes jangkitan Hantavirus melibatkan penduduk NBD dilaporkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi jangkitan Hantavirus.

Pada 2 Mei 2026, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menerima laporan mengenai kluster jangkitan pernafasan akut yang teruk di atas Kapal MV Hondius, iaitu sebuah kapal persiaran ekspedisi berdaftar di Belanda yang berlepas dari Ushuaia, Argentina dengan 147 individu melibatkan penumpang dan anak kapal daripada 23 buah negara.

Hantavirus Cardiopulmonary Syndrome (HCPS) ataupun dikenali sebagai Hantavirus Pulmonary Syndrome (HPS) ialah sejenis penyakit zoonotik yang disebabkan oleh Hantavirus yang dibawa oleh tikus.

Manusia boleh dijangkiti melalui sedutan (*inhalation*) debu yang tercemar dengan air kencing, najis atau air liur tikus yang dijangkiti atau melalui sentuhan pada permukaan yang telah tercemar.

Jangkitan sesama manusia (*human-to-human*) juga telah dilaporkan bagi beberapa jenis *strain* Hantavirus. Simptom awal jangkitan Hantavirus termasuk demam, sakit kepala, sakit

otot, keletihan, rasa mual, muntah dan sakit perut.

Bagi kes yang lebih teruk, jangkitan boleh menyebabkan kesukaran bernafas, komplikasi pada paru-paru, tekanan darah rendah atau komplikasi buah pinggang yang memerlukan rawatan rapi dan juga kematian.

Pada masa ini, tidak ada rawatan ubat antiviral khusus atau vaksin bagi jangkitan Hantavirus. Rawatan adalah berbentuk dukungan seperti pengurusan cecair secara rapi (*Intravenous Fluids*), pemantauan tekanan darah serta pernafasan yang rapi dan jika diperlukan, rawatan hemodialisis serta bantuan pernafasan.

Setakat 5 Mei 2026, sebanyak lapan kes telah dikenal pasti termasuk tiga kes kematian. Kes-kes melibatkan warganegara Belanda, United Kingdom, Switzerland dan Republik Persekutuan Jerman.

Pihak WHO sedang menjalankan siasatan kes dengan terperinci. Walau bagaimanapun hipotesis menunjukkan bahawa kes pertama berkemungkinan telah awal dijangkiti di Argentina sebelum beliau mengikuti pelayaran dan jangkitan seterusnya berlaku dalam kapal melalui kontak rapat.

Setakat ini tiada kes melibatkan

warganegara atau penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dilaporkan.

Berdasarkan penilaian risiko semasa, risiko jangkitan ini kepada NBD adalah pada tahap rendah memandangkan virus ini tidak endemik di dalam negara. Selain itu, tidak ada aktiviti pelayaran ekspedisi secara langsung ke kawasan terjejas dikenal pasti.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan menasihatkan individu yang baru pulang dari kawasan terjejas terutamanya Patagonia dan Argentina dan mengalami demam atau simptom pernafasan supaya segera mendapatkan rawatan perubatan.

Orang ramai juga diingatkan supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dengan kerap mencuci tangan serta menjaga etika batuk dan bersin seperti menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara, di peringkat serantau dan global serta memastikan kesiapsiagaan berterusan dalam perkhidmatan kesihatan.

Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang

Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau melalui aplikasi BruHealth.



كلمنترين حال احوال دالم نكسري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
MINISTRY OF HOME AFFAIRS

KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI BANGUNAN

JABATAN - JABATAN BANDARAN



PEMBAYARAN SECARA TUNAI



DALAM TALIAN / OCBS PORTAL



PEMBAYARAN MELALUI KAD KREDIT



PEMBAYARAN MENGGUNAKAN CEK ATAS NAMA KERAJAAN BRUNEI

Cukai Bangunan dan tunggakan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 31 Disember setiap tahun bagi mengelak tindakan undang-undang

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN Bahagian Kaunter Perkhidmatan, Tingkat 3	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 2:30 petang Sabtu 8:00 - 10:30 pagi	+673 2244151
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA Kaunter Pembayaran (Araas Bawah)	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 12:00 tengahari 1:30 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 3330781-5
JABATAN BANDARAN TUTONG Lantai Bawah	Isnin - Khamis 8:00 pagi - 11:00 pagi 1:45 - 3:00 petang Sabtu 8:00 - 10:00 pagi	+673 4221232 / 8282965

Dikemaskini pada: 20 Januari 2025

Instagram: Jabatanbandaran.bsb
Facebook: Bandarankberia
Twitter: Bandaran_tutong

PM REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE BERLEPAS MENINGGALKAN NBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



PERDANA Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão serta rombongan berlepas meninggalkan negara setelah menamatkan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam selama empat hari bermula pada 3 hingga 6 Mei 2026 (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão serta rombongan berlepas meninggalkan negara petang tadi setelah menamatkan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) selama empat hari bermula pada 3 hingga 6 Mei 2026.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad

Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Semasa Lawatan Rasmi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste dan seterusnya mengadakan Mesyuarat Dua Hala, disusuli dengan

penandatanganan Memorandum Persefahaman dan Majlis Persantapan Rasmi.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah terjalin secara rasmi pada 20 Mei 2002. Kedua-dua buah negara menikmati hubungan dua hala yang erat dan mesra dan terus memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan, pembangunan kapasiti, kesihatan, tenaga dan pertukaran antara rakyat.

Lawatan Rasmi berkenaan mencerminkan persahabatan yang berpanjangan dan komitmen untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dan kerjasama serantau, khususnya dalam rangka kerja ASEAN.



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



TUTONG, Rabu, 6 Mei. - Golden Corporation Sdn. Bhd. pada pagi tadi menerima kunjungan lawatan daripada Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão sempena Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD) telah pun bermula 3 hingga 6 Mei 2026.

Sebagai sebahagian daripada lawatan negara yang bertujuan memperkukuh kerjasama dua hala, Golden Corporation Sdn. Bhd. yang terletak di Kampung Serambangan, di sini, telah dipilih untuk Lawatan Rasmi TYT ke premis berkenaan, sekali gus

mencerminkan kedudukannya dalam industri pemprosesan makanan laut dan akuakultur di peringkat nasional.

Semasa kunjungan berkenaan, TYT diiringi oleh Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tuan Yang Terutama Francisco Kalbuadi Lay serta delegasi lain.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang

Terutama Abel Guterres. Kunjungan lawatan berkenaan merangkumi sesi taklimat korporat dan lawatan kilang yang menonjolkan keseluruhan operasi syarikat, piawaian keselamatan makanan serta peranannya dalam menyokong pengeluaran makanan mampan dan keselamatan makanan negara.

Sepanjang lawatan berkenaan, TYT diiringi oleh Pengarah Urusan Golden Corporation Sdn. Bhd., Richard Chuang Hsi Shan bagi memberikan penerangan ringkas mengenai perkhidmatan dan operasi yang dikendalikan oleh syarikat berkenaan.

Sempena lawatan berkenaan juga diselenggarakan dengan Majlis Menandatangani Plak dan pertukaran cenderamata sebagai tanda kenangan kunjungan berkenaan.

Golden Corporation Sdn. Bhd. merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan

berprestij berkenaan serta menegaskan semula komitmen kukuh dalam memupuk kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Syarikat berkenaan juga kekal komited dalam menyokong amalan mampan dalam industri akuakultur dan perikanan, seterusnya menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar jangka panjang dan pertumbuhan sektor yang bertanggungjawab.

berprestij berkenaan serta menegaskan semula komitmen kukuh dalam memupuk kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Syarikat berkenaan juga kekal komited dalam menyokong amalan mampan dalam industri akuakultur dan perikanan, seterusnya menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar jangka panjang dan pertumbuhan sektor yang bertanggungjawab.

Memperkukuh kerjasama industri pemprosesan makanan laut, akuakultur



GOLDEN Corporation Sdn. Bhd. menerima kunjungan lawatan daripada Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão sempena Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam telah pun bermula 3 hingga 6 Mei 2026 (atas dan atas kiri).

ROMBONGAN TERAKHIR BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA BERTOLAK

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Sementara Balurih Travel Sdn. Bhd. pula seramai 27 orang terdiri daripada 14 lelaki termasuk seorang pegawai syarikat dan 13 perempuan termasuk seorang pegawai syarikat dan dua orang pegawai perubatan.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan keempat kali ini ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan), Pegawai DSSB dan Pegawai Syarikat Balurih Travel Sdn. Bhd.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Datin.

Turut berangkat dan hadir, Pemangku Pesuruhjaya Polis,



Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja

Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Seterusnya, juga hadir,

BAKAL jemaah haji bertolak meninggalkan negara ini menggunakan pesawat Penerbangan Diraja Brunei BI4207 dan dijangka tiba di Madinah Al-Munawwarah pada pukul 5.15 petang waktu Madinah (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji (kiri dan atas).

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri serta ahli jemaah penasihat haji, pengarah-pengarah dan para

Pegawai Kanan KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Manakala azan dilaungkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.



Usaha kolektif ASEAN memperkukuh integrasi ekonomi serantau



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN Ke-27.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 8 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN Ke-27 (27th AECC) yang diadakan kelmarin di Cebu City, Republik Filipina.

Mesyuarat tersebut

dipengerusikan oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri, Republik Filipina, Puan Yang Terutama Ma. Cristina Aldeguer-Roque dan dihadiri oleh Menteri-menteri AEC daripada 11 Negara Anggota ASEAN serta Timbalan Setiausaha Agung (AEC), Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat ini memberikan peluang yang tepat bagi menteri-menteri ekonomi untuk

bertukar pandangan mengenai usaha kolektif ASEAN dalam memperkukuh agenda integrasi ekonomi rantau ini serta memajukan inisiatif moden dan berpandangan ke hadapan, selaras dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Para menteri bersetuju bahawa komitmen berterusan daripada semua Negara Anggota ASEAN adalah penting, terutamanya ketika rantau ini menangani gangguan rantaian bekalan yang disebabkan

oleh Krisis Timur Tengah.

Sehubungan itu, para menteri membincangkan Hasil Ekonomi Keutamaan Republik Filipina bagi tahun 2026, agenda kemampanan dan transformasi digital ASEAN, terutamanya penyelesaian rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) pada tahun ini.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan keperluan bagi

ASEAN untuk kekal dinamik dan memanfaatkan krisis ini bagi menilai serta memberi keutamaan kepada inisiatif yang berimpak tinggi bagi memastikan daya tahan dan kesiapsiagaan ASEAN dalam menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan.

Antara lain, terang Yang Berhormat lagi, ini termasuklah memperteguh komitmen untuk meningkatkan aliran perdagangan intra-ASEAN; mengurangkan halangan perdagangan; memudahkan perdagangan melalui pendigitalan; serta memastikan integrasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam rantaian bekalan serantau.

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat mengalu-alukan kemajuan baik dalam rundingan DEFA dan menegaskan semula komitmen Brunei Darussalam untuk memastikan penguatkuasaan awal Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) yang dinaik taraf.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Mesyuarat 27th AECC ini diadului oleh Mesyuarat Persediaan Pegawai-pegawai Kanan Ekonomi (Prep-SEOM) pada 6 Mei 2026.

PENERBANGAN KETIGA BAKAL JEMAAH HAJI NBD SELAMAT BERLEPAS

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Penerbangan ketiga bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berlepas meninggalkan negara ini pada jam 12.11 tengah hari tadi (waktu NBD) dengan menggunakan pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RB) B14205 dan telah selamat tiba di Madinah Al-Munawwarah sekitar jam 5.15 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Jumlah keseluruhan seramai 254 bakal jemaah haji termasuk Pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., dan Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.

Daripada jumlah berkenaan, Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) seramai tiga orang, manakala DSSB seramai 32 lelaki termasuk seorang pegawai syarikat dan 39 perempuan termasuk dua pegawai syarikat dengan jumlah 71 orang.

Sementara At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd. pula seramai 62 orang terdiri daripada 30 lelaki termasuk dua pegawai syarikat dan 32 perempuan. Manakala Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. pula seramai 118 orang, iaitu 57 lelaki termasuk seorang pegawai syarikat dan 61 perempuan.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan ketiga kali ini

ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan), Pegawai DSSB, Pegawai At-Taqwa Travel Tours Sdn.Bhd. dan pegawai Al-Hijrah Travel and Tours Sdn.Bhd.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan isteri; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan isteri; serta Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; serta Ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan para Pegawai Kanan KHEU.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji (atas dan kiri). Manakala gambar bawah,

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murad, manakala azan dilaungkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.



Waspada terhadap skim pemalsuan dokumen

Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ingin memaklumkan kepada orang ramai, khususnya para pembekal dan pemilik perniagaan, mengenai aktiviti penipuan yang melibatkan pemalsuan dokumen rasmi Pesanan Pembelian (PO) serta penyamaran sebagai pegawai jabatan.

JAPEM telah mengenal pasti satu kes individu yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan nama JAPEM dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk membuat pesanan melalui aplikasi WhatsApp.

Aktiviti penipuan ini merangkumi pemalsuan tandatangan Pegawai-pegawai JAPEM dan KKBS bagi tujuan perolehan barangan secara tidak sah daripada syarikat tempatan. Berikutan insiden tersebut, pihak JAPEM telah membuat laporan rasmi kepada pihak berkuasa untuk tindakan dan siasatan lanjut.

JAPEM ingin menegaskan bahawa jabatan ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan individu-individu berkenaan dan tidak pernah mengeluarkan dokumen perolehan tersebut.

Orang ramai adalah diingatkan bahawa semua urusan perolehan kerajaan dijalankan melalui prosedur kewangan rasmi yang

ketat. Sebarang transaksi rasmi tidak sesekali dilakukan melalui rundingan di media sosial atau aplikasi pesanan ringkas tanpa dokumen rasmi dan sah yang dikeluarkan terus oleh pihak jabatan atau kementerian.

Turut ditegaskan bahawa perbuatan membuat dokumen palsu dengan niat untuk melakukan penipuan atau menyebabkan mana-mana orang menyerahkan harta merupakan suatu kesalahan pemalsuan di bawah Seksyen 463 Kanun Keseksaan (Penggalt 22) yang jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 465 daripadanya iaitu penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun serta denda.

Selain itu, mana-mana individu yang dengan salah menyamar sebagai seorang kakitangan kerajaan serta melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan atas alasan jawatan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 170 Kanun Keseksaan yang, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun serta denda.

Sehubungan itu, JAPEM menasihatkan orang ramai dan pemilik perniagaan agar sentiasa berwaspada. Sebarang pesanan perolehan atau dokumen yang meragukan hendaklah disahkan terus dengan pihak jabatan

sebelum sebarang tindakan diambil.

Jabatan ini memandang serius terhadap sebarang percubaan menyalahgunakan identiti Jabatan bagi tujuan jenayah. JAPEM menyeru mana-mana pihak yang telah menjadi mangsa skim

penipuan ini, atau mereka yang mempunyai maklumat berkaitan, untuk segera membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Bagi bantuan segera atau untuk menyalurkan maklumat khusus mengenai perkara berkaitan

JAPEM sahaja, orang ramai boleh menghubungi Talian Kebajikan 141 yang beroperasi 24 jam sehari.

Sila ambil maklum bahawa talian bantuan ini dikhaskan untuk pertanyaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan JAPEM sahaja.

Pendaftaran Peperiksaan BCGCE, IGCSE Sesi Oktober / November 2026 dibukakan

Siaran Akhbar : Jabatan Peperiksaan

BERAKAS, Jumaat, 8 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Oktober/November Tahun 2026 akan dibukakan bermula pada hari Sabtu, 9 Mei 2026 hingga hari Isnin, 22 Jun 2026.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan (Blok C, Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka; atau memuat turun borang pendaftaran, senarai mata pelajaran yang ditawarkan dan Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 3/2026 dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan dan dokumen yang telah lengkap, berserta pembayaran hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, melalui Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada hari Isnin, 22 Jun 2026.

Kaunter Jabatan Peperiksaan yang terletak di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan akan dibuka mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sepanjang tempoh 9 Mei hingga 13 Jun 2026, kaunter dibuka pada setiap hari Isnin hingga Khamis iaitu pada sesi pagi dari jam 8 pagi hingga 11 pagi dan sesi petang dari jam 1.30 petang hingga 2.30 petang, manakala pada hari Sabtu kaunter hanya dibuka pada sesi pagi sahaja dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Seterusnya bagi tempoh 15 Jun hingga 22 Jun 2026, kaunter hanya dibuka pada sesi pagi setiap hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, iaitu dari jam 8 pagi hingga 11.30 pagi.

MEMASTIKAN PA KEKAL RELEVAN, BERDAYA SAING, MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Manakala pegawai kanan di peringkat ketua atau timbalan ketua jabatan adalah bertanggungjawab bagi menentukan arah strategik serta memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilaksanakan dengan efisien dan berkesan.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kohort 32, Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort 36, Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 10 bagi Tahun

Kewangan 2024/2025 yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini.

Jelas Yang Berhormat lagi, gabungan kekuatan tiga generasi kepimpinan ini amat penting dalam memastikan Perkhidmatan Awam (PA) terus kekal relevan, berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan negara dengan cabaran-cabaran yang semakin kompleks.

Tambah Yang Berhormat, kepimpinan dalam PA bukan sekadar berkaitan jawatan atau kedudukan. Ia merupakan satu amanah besar untuk memimpin perubahan, membimbing warga organisasi serta memastikan setiap dasar dan perkhidmatan kerajaan memberi manfaat yang sebenar dan berpanjangan kepada rakyat dan negara.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), jelas Yang Berhormat, amanah kepimpinan berkenaan juga perlu dilaksanakan berlandaskan nilai-nilai Islam dan prinsip Maqasid Syariah, iaitu memastikan setiap usaha pembangunan negara sentiasa memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Prinsip berkenaan, kata Yang Berhormat, menekankan bahawa setiap dasar, perkhidmatan dan keputusan pentadbiran hendaklah menjurus kepada kesejahteraan masyarakat serta kemaslahatan negara secara menyeluruh.

Seiring dengan itu, ujar Yang Berhormat, negara kita kini semakin hampir melangkah ke arah Wawasan Brunei 2035, yang menyasarkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti kehidupan yang tinggi, serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Dalam usaha mencapai wawasan berkenaan, tegas Yang Berhormat lagi, PA memainkan peranan yang amat penting sebagai jentera penggerak utama dasar dan pelaksanaan pembangunan negara.

Tambah Yang Berhormat, semua berkenaan menuntut sebuah PA yang cekap, responsif,



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa berucap.

berorientasikan rakyat dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan semasa sambil mengekalkan nilai-nilai teras Islam dan prinsip Maqasid Syariah.

Terdahulu itu, Yang Berhormat dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) atas komitmen berterusan dalam memperkukuh pembangunan kepimpinan dalam PA melalui program seperti EDPSGO, EDPMMO dan YEP.

Menurut Yang Berhormat lagi, program-program berkenaan merupakan usaha strategik kerajaan untuk memastikan PA sentiasa mempunyai barisan pemimpin yang kompeten, berintegriti dan berpandangan jauh.

"Pada kesempatan ini, peramba / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan program masing-masing. Pada hari ini kita meraikan para peserta daripada tiga peringkat kepimpinan dalam PA, iaitu pegawai kanan kerajaan, pegawai pengurusan pertengahan dan pegawai eksekutif muda.

"Ketiga-tiga peringkat ini bukan sahaja mencerminkan perkembangan kerjaya dalam PA, malah melambangkan kesinambungan kepimpinan yang akan menentukan hala tuju pentadbiran negara pada masa hadapan," ujar Yang Berhormat lagi.

Terus memperkukuh budaya kerja profesional, berintegriti, berakuntabiliti

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof berkata, dunia hari ini sedang mengalami perubahan yang sangat pantas.

Pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kohort 32, Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort 36, dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 10 bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini, Yang Berhormat seterusnya menambah, perkembangan teknologi digital, Kecerdasan Buatan (AI), ekonomi berasaskan pengetahuan serta cabaran global yang semakin kompleks menuntut pendekatan pentadbiran yang lebih tangkas dan inovatif.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat, Perkhidmatan Awam (PA) tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada pendekatan tradisional dan sebaliknya, kita perlu tangkas dan berani berfikir secara strategik, menggalakkan inovasi dalam organisasi serta memperbaharui kaedah penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, mudah diakses dan memberi nilai tambah kepada orang ramai.

Kepimpinan tertinggi negara juga menurut Yang Berhormat, sentiasa menekankan kepentingan untuk terus memperkukuh budaya kerja yang profesional, berintegriti dan berakuntabiliti, di samping memanfaatkan teknologi digital untuk mempercepatkan transformasi pentadbiran kerajaan.

Jelas Yang Berhormat lagi, usaha memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan perlu terus diperkasa supaya urusan orang ramai menjadi lebih cepat, lebih mudah dan lebih cekap.

"Ini selaras dengan tuntutan Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan memudahkan urusan masyarakat serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara.

"Justeru, para peserta yang diraikan pada hari ini mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha ini, yang penyertaan dalam program kepimpinan ini bukan sekadar satu pencapaian peribadi, tetapi merupakan persediaan untuk memikul tanggungjawab kepimpinan yang lebih besar dalam PA pada masa hadapan," kata Yang Berhormat

Yang Berhormat seterusnya berharap, para peserta akan kembali ke kementerian dan jabatan masing-masing sebagai pemimpin yang mampu menjadi pemangkin perubahan. Ini termasuklah bersedia menilai semula pendekatan lama yang tidak lagi relevan, memperkenalkan idea dan penyelesaian baharu, menggalakkan budaya inovasi

dalam organisasi, serta memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat, kejayaan transformasi PA juga bergantung kepada kerjasama yang erat antara agensi kerajaan serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation tegas Yang Berhormat, perlu terus dibudayakan dan diperkukuh supaya setiap usaha pembangunan negara dapat dilaksanakan secara lebih bersepadu, berkesan dan memberi impak yang lebih besar kepada rakyat.

"Walau sejauh mana transformasi yang kita laksanakan, kekuatan sebenar PA tetap terletak pada nilai, integriti dan keikhlasan pegawai-pegawainya. Sebagai pemimpin dalam PA, kita hendaklah sentiasa berpegang kepada sifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab, integriti dalam setiap keputusan yang dibuat serta keikhlasan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan orang ramai.

"Jawatan yang merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab ini menuntut kita untuk sentiasa meletakkan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dalam setiap tindakan dan keputusan yang kita ambil," ujar Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. – Seramai 25 peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kohort 32; 33 peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai

Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort 36 dan 29 peserta Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 10 bagi Tahun Kewangan 2024/2025 menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil yang

Peserta Program Pembangunan Eksekutif diraikan

berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pensyarah, Bahagian Diploma Aliyah Qira'at, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof, selaku salah seorang peserta EDPMMO.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis menyampaikan ucapan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta program.

Terdahulu itu, Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam (PA), Dr. Awang Norfarizal bin Othman telah menyampaikan ucapan alu-aluan, diikuti dengan tayangan klip video aktiviti-aktiviti Program-program Pembangunan Eksekutif.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan, Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, dan Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Program - program Pembangunan Eksekutif yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan merupakan program *flagship* Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang diwujudkan bagi mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi (Institutional Development

Strategy).

Tujuan CSLP adalah untuk menyediakan Leadership Pool dalam kalangan pegawai-pegawai Bahagian II ke atas bagi membantu Perancangan Strategik Sumber Manusia dalam PA.

Ke semua program dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan IPA.

Kandungan program-program berkenaan antara lainnya memuatkan mengenai pengajian isu dan dasar semasa, amalan terbaik dalam pengurusan dan pentadbiran PA yang dipraktikkan secara global.

Selain itu, para peserta juga diberikan pendedahan secara praktikal melalui penempatan kerja, projek kemasyarakatan, lawatan sambil belajar serta sesi dialog bersama pemimpin-pemimpin di Negara Brunei Darussalam.

TERAPKAN SIKAP PROFESIONALISME, INTEGRITI TONGGAK KEUNGGULAN JBP

>> Muka 1

Demikian antara yang ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Kali Ke-66 Tahun 2026, bertempat di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Berakas, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, seiring dengan perkembangan semasa, cabaran yang dihadapi oleh JBP adalah semakin mencabar.

Impak perubahan iklim, kepesatan teknologi, peningkatan risiko kebakaran hutan dan belukar serta kejadian bencana alam kini menjadi semakin kompleks dan dinamik serta perlu ditangani dengan sebaik-baiknya iaitu

melalui gabungan barisan anggota yang cekap dan terlatih serta kesiapsiagaan aset yang tinggi.

"Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini, orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dan sentiasa memastikan langkah-langkah pencegahan sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

"Alhamdulillah dengan pembekalan jentera-jentera bomba secara pajak sewa jenis Water Tender Ladder (WRL) yang telah diterima oleh JBP, kini telah mula menunjukkan impak dalam memperkukuhkan keberkesanan operasi serta memperbaiki pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan, khususnya dari segi kecekapan masa tindak balas (*response time*) dalam menangani insiden kebakaran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dan kecemasan," jelas Yang Berhormat.

Sepertimana dimaklumi, Yang Berhormat menyatakan, setakat ini sebanyak 10 daripada 30 buah jentera WRL telah dibekalkan pada bulan November 2025 dan telah ditempatkan di balai-balai bomba di seluruh negara berdasarkan keutamaan serta tahap risiko kawasan, sekali gus meningkatkan keupayaan operasi, memperkukuhkan keberkesanan pengerahan jentera serta mempercepatkan tindak balas terhadap insiden kecemasan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat mengongsikan bahawa semasa insiden gangguan bekalan air yang berlaku baru-baru ini, jentera

WRL telah turut dikerahkan bagi membantu usaha pengisian air di lokasi-lokasi strategik, sekali gus mencerminkan kesiapsiagaan jabatan dalam menyokong operasi bantuan kemanusiaan serta memastikan kesinambungan perkhidmatan penting kepada orang ramai.

Selain itu, usaha memperkukuhkan kesiapsiagaan infrastruktur kebombaanan turut dilaksanakan melalui projek pemuliharaan sebanyak 700 buah pili bomba di seluruh negara.

Fasa pertama projek ini, tambah Yang Berhormat, telah mula dilaksanakan pada tahun 2024, diikuti dengan fasa kedua yang bermula pada 23 Disember 2025, termasuk penggantian 30 buah pili bomba di kawasan Kampong Ayer. Alhamdulillah, keseluruhan projek ini telah siap pada bulan Februari tahun ini.

Di samping itu, kata Yang Berhormat lagi, projek ini turut melibatkan pelaksanaan sistem



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap.

penandaan (*tagging*) bagi mengenal pasti lokasi pili-pili bomba dengan lebih sistematik melalui penggunaan aplikasi pemetaan digital.

Inisiatif ini, jelas Yang Berhormat, bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengesanan lokasi pili bomba semasa operasi, malah turut menyumbang kepada keberkesanan tindak balas kecemasan secara amnya.

JBP raikan Ulang Tahun Ke-66

BERAKAS, Khamis, 7 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, hari ini telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Kali Ke-66 Tahun 2026, bertempat di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Berakas.

Majlis sambutan tersebut telah diserikan dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di sini dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh bersama-sama Pegawai-pegawai Kanan JBP.

Majlis berkenaan dimulakan dengan Perbarisan Kawalan Kehormatan seramai 103 orang yang diketuai oleh Penolong Penguasa Bomba, Awang Muhammad Rafiq bin Reduan, diikuti dengan pemeriksaan perbarisan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perbarisan tersebut mencerminkan disiplin, kesiapsiagaan dan komitmen warga JBP dalam melaksanakan amanah menjaga keselamatan awam serta kesejahteraan masyarakat.

Sejurus selepas perbarisan berakhir, acara diteruskan dengan Pertandingan Akhir Lifesaver 995 Community Challenge yang menyaksikan persaingan antara Pasukan Panaga Bravo dari Daerah Kuala Belait dan Pasukan Kawasan 2 Kampung Lambak Kanan dari Daerah Brunei dan Muara.

Kedua-dua pasukan tersebut telah berjaya mara ke peringkat akhir selepas melepasi pusingan saringan yang diadakan pada 25 April lalu melibatkan penyertaan sebanyak enam buah pasukan dari kampung-kampung yang telah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Kali Ke-66 Tahun 2026 (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang menyertai pertandingan.

menyertai Program Lifesaver 995 Projek Akar Umbi.

Yang Berhormat seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara Pertandingan Lifesaver 995 Community Challenge yang dimenangi oleh Pasukan Kawasan 2 Kampung Lambak Kanan, diikuti dengan Pasukan Panaga Bravo sebagai naib johan.

Pertandingan berkenaan menguji kecekapan peserta melalui lima cabaran tindakan kebombaanan secara berpasukan dalam tempoh masa terpantas.

Inisiatif ini bertujuan memperkukuhkan kemahiran komuniti sebagai *first responder* dalam menghadapi situasi kecemasan, selaras dengan usaha jabatan meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat terhadap insiden kebakaran dan kecemasan.

Acara turut diserikan dengan persembahan khas daripada Pasukan SATREA (Special Technical Rescue Assistance),

yang mempamerkan beberapa demonstrasi kepakaran menyelamat menggunakan kaedah *technical rope rescue* seperti Normal Rappelling, Ascending dan Crawling dari bangunan tinggi berhampiran.

Persembahan tersebut telah mempamerkan tahap kecekapan, keberanian dan kesiapsiagaan anggota dalam melaksanakan operasi menyelamat bagi insiden seperti bangunan runtuh akibat gegaran, tsunami dan bencana seumpamanya.

Pasukan elit penyelamat jabatan ini turut memiliki kepakaran dalam bidang Urban Search and Rescue (USAR), *jungle rescue* dan *water rescue*, yang amat penting dalam pengendalian operasi mencari dan menyelamat yang kompleks serta berisiko tinggi.

Pasukan SATREA juga dihasratkan menjadi tonggak utama kontinjen penyelamat kebangsaan dalam usaha memperoleh pengiktirafan klasifikasi INSARAG pada masa akan datang.

Acara kemuncak majlis sambutan kali ini adalah demonstrasi Industrial Fire Fighting yang melibatkan anggota JBP bersama pihak Bomba Brunei Shell Petroleum.

Demonstrasi tersebut memperlihatkan pendekatan operasi dalam menangani kebakaran industri berisiko tinggi, dengan penekanan kepada tindakan pantas, koordinasi operasi yang teratur, penggunaan teknik pemadaman yang bersesuaian serta kawalan risiko di kawasan insiden, khususnya dalam

Memperkasa, memanfaatkan teknologi dalam pengurusan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 7 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menyambut baik usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ke arah menerokai penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) serta memperkasa dan memanfaatkan teknologi dalam pengurusan jabatan termasuk latihan simulasi operasi kebombaanan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

Selain itu, JBP juga telah pun melaksanakan penggunaan *dashboard* melalui platform digital seperti Power BI dan Notion bagi memantau serta mengurus aset kenderaan dan peralatan kebombaanan yang digunakan di Pusat Gerakan 995.

"Penggunaan teknologi sedemikian bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi kebombaanan, malah turut mempercepatkan proses penilaian dan pembuatan keputusan dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan," jelasnya pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Kali Ke-66 Tahun 2026, bertempat di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Berakas, hari ini.

Usaha ke arah memperkasakan teknologi ini, Yang Berhormat berkata, adalah pada menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan baginda pada tahun ini, yang menekankan kepentingan memanfaatkan teknologi AI secara inklusif dan beretika demi pembangunan masyarakat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri percaya bahawa usaha-usaha berterusan ini mencerminkan komitmen JBP dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih responsif, efisien dan berdaya saing, demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini.

>> Muka 13

persekitaran industri yang mempunyai tahap bahaya yang lebih kompleks.

Dalam usaha membudayakan kesedaran keselamatan kebakaran di peringkat akar umbi, Jabatan terus melaksanakan Program Lifesaver 995 di seluruh negara, dengan 20 mukim setakat ini telah menerima latihan sebagai *first responder* di kawasan masing-masing.

Program tersebut diharap dapat menjadi pemangkin kepada penglibatan yang lebih aktif dalam kalangan komuniti kampung dalam program jangkauan masyarakat yang dianjurkan oleh jabatan dari semasa ke semasa.

Sebagaimana pelaksanaan sebelumnya, kampung-kampung yang terlibat turut dibekalkan dengan peralatan memadam kebakaran berupa tiga batang hos, 1 *nozzle*, 1 set *key and bar*.

Pada majlis tersebut, tetamu

kehormat juga berkesempatan menyampaikan peralatan berkenaan kepada Ketua Kampung Kawasan 6, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Ketua Kampung Penanjong Tutong dan Ketua Kampung Panapar, Tutong.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang disampaikan oleh Awang Haji Shamsuri bin Haji Tuah bagi memohon keberkatan, kesejahteraan dan keselamatan berterusan kepada seluruh Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-66 kemudiannya ditutup dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, jempunan khas serta pegawai-pegawai kanan dan anggota JBP.



PROJEK TEDUH : MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi BIBD menyerahkan rumah tersebut kepada penerima.

TEMBURONG, Khamis, 7 Mei. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) petang tadi menyerahkan dua buah rumah baharu yang dibina di bawah inisiatif Projek Teduh, sekali gus menegaskan komitmen berterusan bank dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat serta menyokong keluarga yang memerlukan melalui usaha peningkatan sosial yang mampan.

Majlis penyerahan telah diadakan di Kampung Selangan dan Kampung Negalang Ering, Daerah Temburong.

Rumah-rumah tersebut telah diserahkan kepada Dayang Armah binti Haji Munab dari Kampung Selangan dan Dayang Maimunah binti Abdullah dari Kampung Negalang Ering oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi BIBD.

Turut hadir pada majlis penyerahan tersebut ialah Ahli-ahli

Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazan bin Haji Yusof selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD dan anak-anak syarikat Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah Bank, pihak pengurusan dan kakitangan BIBD serta pihak-pihak berkepentingan utama daripada agensi kerajaan dan organisasi sektor swasta.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BIBD dalam menyokong keutamaan negara melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bermakna, berimpak dan mampan.

Dengan memberi tumpuan kepada inisiatif yang meningkatkan kualiti hidup serta memperkukuh daya tahan sosioekonomi, BIBD memastikan usaha CSR memberikan nilai berkekalan

kepada masyarakat tempatan sambil mengukuhkan matlamat pembangunan negara secara menyeluruh.

Kerja-kerja pembinaan rumah di Kampung Selangan dan Kampung Negalang Ering masing-masing telah dimulakan pada 8 April 2026 dan 10 April 2026.

Kejayaan menyiapkan kedua-dua rumah tersebut membuktikan keberkesanan usaha kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan yang bekerjasama ke arah matlamat bersama untuk membantu masyarakat memerlukan.

Pelaksanaan Projek Teduh yang berjaya terus direalisasikan melalui kerjasama erat antara BIBD, agensi kerajaan, rakan korporat, perniagaan serta para sukarelawan, yang semuanya bersatu di bawah visi bersama untuk memperkasa masyarakat melalui tindakan kolektif.

Inisiatif ini mencerminkan Whole of Nation Approach yang menekankan kepentingan kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam menangani cabaran sosial dan kebajikan.

Sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan ini juga amat penting, kerana komitmen mereka memastikan impak Projek Teduh bukan sahaja dapat dikekalkan malah terus diperluaskan.

Dengan lebih banyak projek yang dirancang pada masa hadapan, kerjasama yang berkekalan ini menjadi asas penting bagi inisiatif akan datang, sekali gus memperkukuh tekad bersama untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, mempertingkatkan daya tahan sosioekonomi dan membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif.

Projek Teduh dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan zakat perniagaan BIBD, yang mencerminkan komitmen teguh BIBD terhadap amalan pemberian yang bermakna dan berteraskan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin**

nilai.

Inisiatif ini turut disokong oleh sumbangan daripada para pekerja BIBD, organisasi korporat dan perniagaan berkongsi aspirasi yang sama dalam memperkukuh kebajikan masyarakat serta memajukan pembangunan sosial.

Dengan menjadikan Dana Zakat sebagai asas Projek Teduh, inisiatif ini mencerminkan inti pati zakat sebagai tonggak belas ihsan, keadilan dan kemampunan.

Penggunaannya diperkukuhkan melalui penyaluran sumber secara langsung kepada golongan yang memerlukan (asnaf), bagi memastikan bantuan yang diberikan bukan sahaja bersifat segera malah mampu membawa perubahan yang berkekalan.

Dengan selaras kepada prinsip-prinsip zakat, projek ini mencerminkan semangat tanggungjawab bersama dan keterangkuman, sekali gus mengukuhkan jalinan sosial negara.

Usaha kolektif ini terus memperkukuh nilai belas ihsan, kesukarelawanan dan solidariti, di samping menzahirkan prinsip

Maqasid Syariah serta nilai teras BIBD sebagai 'Bruneian at Heart'.

Melalui Projek Teduh, BIBD bersama rakan-rakannya kekal teguh dalam menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memupuk pembangunan yang inklusif dan menyeluruh pertumbuhan masyarakat yang mampan, sekali gus memastikan setiap inisiatif memberikan sumbangan yang bermakna terhadap daya tahan dan kemakmuran negara dalam jangka panjang.

Dalam temu bual bersama salah seorang penerima Dayang Armah, 59 tahun, berkata beliau merasa bersyukur atas pembinaan sebuah rumah yang selama ini ditunggu-tunggu.

Menurutnya, beliau yang tinggal bersama dua anak dan cucu begitu terharu menerima bantuan daripada pihak BIBD walaupun beliau tidak terfikir selama ini akan mempunyai sebuah rumah di atas tanah sendiri dengan bantuan pihak BIBD.



KEJAYAAN menyiapkan rumah tersebut membuktikan keberkesanan usaha kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan yang bekerjasama ke arah matlamat bersama untuk membantu masyarakat memerlukan.

>> Muka 12

Dalam konteks ini, Yang Berhormat mengalu-alukan usaha dan perancangan JBP dalam mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan dan kesediaan *operational* secara berterusan.

Menurut Yang Berhormat, sepanjang tahun 2026, pihak jabatan telah merancang untuk menganjurkan dan menyertai lima sesi latihan dan eksekutis yang melibatkan pelbagai agensi bagi memastikan akan keupayaan operasi jabatan sentiasa berada pada tahap optimum.

"Latihan berbentuk Tabletop Exercise (TTX) dan Field Training Exercise (FTX) adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan Jabatan dalam tindak balas dan membuat keputusan (*decision making*) berbandukan Standard Operating Procedure (SOP) serta menguji koordinasi antara agensi dalam menangani pelbagai insiden kecemasan, termasuk yang bersifat rentas sempadan.

"Dalam konteks ini, eksekutis rentas sempadan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang dijadualkan pada bulan September tahun ini merupakan satu inisiatif penting dalam memperkukuhkan kerjasama dua hala, daripada peringkat

pengurusan atasan hingga ke anggota di lapangan," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, kerjasama bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Syarikat Brunei Shell Petroleum dalam latihan kebombaanan dan penyelamatan, termasuk *industrial firefighting*, operasi menyelamat di kawasan hutan kerjasama dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) juga turut memperkukuhkan kesiapsiagaan dalam menghadapi insiden yang lebih kompleks.

Pada peringkat komuniti dan dalam aspek memperkukuhkan kesedaran awam terhadap kepentingan peranan serta pemeraksanaan penglibatan komuniti sebagai *first responder* bagi insiden kecemasan dan kebakaran, Yang Berhormat menyambut baik usaha berterusan JBP dalam melaksanakan pelbagai Outreach Program keselamatan kebakaran di seluruh negara.

"Peramba / saya difahamkan bahawa bagi tempoh tahun 2023 sehingga Mac 2026, seramai 88,667 orang telah mengikuti pelbagai program kesedaran keselamatan kebakaran yang merangkumi taklimat, Kursus

Lifesaver 995, Kursus Fire Marshal, lawatan ke balai-balai serta latihan kebakaran bangunan.

"Selain itu, seramai 99 orang penghulu mukim dan ketua kampung telah dilatih bagi memperkukuhkan peranan kepimpinan komuniti dalam kesiapsiagaan awal, manakala pelaksanaan Kursus Fire Marshal turut memainkan peranan penting dalam memastikan pemantauan keselamatan kebakaran di peringkat premis dilaksanakan secara sistematik dan berterusan," jelas Yang Berhormat lagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menggesa para penghulu mukim dan ketua kampung untuk terus memainkan peranan secara proaktif dalam meningkatkan kesedaran, kesiapsiagaan serta langkah-langkah pencegahan kebakaran di peringkat komuniti masing-masing.

Di samping itu, sebanyak 1,529 program kesedaran komuniti telah dilaksanakan, termasuk 896 sesi taklimat dan 634 program Lifesaver 995, manakala 407 orang telah dilatih sebagai *first responder*.

"Perkembangan ini mencerminkan komitmen



PEMERIKSAAN perbarisan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

berterusan JBP dalam memperluaskan kesedaran, memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat serta membudayakan tindakan awal dalam menghadapi sebarang insiden kecemasan," tambahnya lagi.

Sebelum mengakhiri ucapan, Yang Berhormat sekali lagi sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga JBP sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Ke-66 ini, atas jasa bakti yang dicurahkan tanpa mengenal penat

lelah. Marilah sama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh pegawai dan anggota sentiasa dikurniakan kekuatan, kesihatan dan perlindungan dalam melaksanakan amanah yang dipikul.

Kepada anggota-anggota bomba yang telah kembali ke rahmatullah, marilah sedekahkan Surah Al-Fatihah, semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para syuhada dan solihin.

MEMASTIKAN INKLUSIVITI DALAM SISTEM PENDIDIKAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa berucap pada Perasmian Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX.

Pemimpin Sekolah terus berperanan sebagai platform strategik utama yang menghimpunkan para pemimpin pendidikan untuk menilai hala tuju sistem pendidikan, memperkukuhkan keselarasan dengan keutamaan negara dan memanfaatkan kepakaran kolektif komuniti pendidikan kita. Lebih penting lagi, jelas Yang

Berhormat Menteri Pendidikan, ia menyediakan ruang untuk menterjemahkan hasrat dasar kepada tindakan yang bermakna di peringkat sekolah.

Berucap selaku tetamu kehormat pada Perasmian Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini, Yang Berhormat seterusnya menekankan, perkara ini amat signifikan ketika mereka berhimpun di bawah tema tahun ini, 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti' (Quality Leaders, Quality Education), dengan subtema 'Intervensi Awal bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (SEN): Menjamin Perkembangan

Holistik Melalui Sokongan Proaktif (Early Intervention for Students with SEN: Ensuring Holistic Growth Through Proactive Support).

Tambah Yang Berhormat, ini mencerminkan perubahan tepat pada masanya dalam keutamaan pendidikan kita, di mana kepimpinan kini semakin dituntut untuk lebih berfokus, responsif dan inklusif dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir.

Kepentingan intervensi awal terangnya, disokong kukuh oleh penyelidikan global dan organisasi antarabangsa.

Menurutnya, UNESCO menekankan bahawa tahun-tahun awal merupakan tempoh kritikal perkembangan otak, dengan sehingga 90 peratus pertumbuhan otak berlaku sebelum usia 5 tahun, yang membentuk

pembelajaran sepanjang hayat, tingkah laku dan kesejahteraan seseorang kanak-kanak.

Ujarnya lagi, begitu juga, dapatan OECD yang menegaskan bahawa sistem pendidikan awal kanak-kanak yang kukuh mestilah bersifat inklusif secara menyeluruh, dengan memastikan akses serta penyertaan bermakna bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai keperluan pembelajaran.

Pandangan global ini, tegas Yang Berhormat, memberi mesej yang jelas kepada kita, jika kita ingin meningkatkan hasil jangka panjang, kita mesti bermula lebih awal, bertindak secara terancang, dan memastikan inklusiviti diterapkan dalam sistem pendidikan.

>> Muka 15

Konvensyen memperkukuh kapasiti, kompetensi pemimpin sekolah



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku tetamu kehormat pada Perasmian Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026.

JERUDONG, Rabu, 6 Mei. – Lebih 380 orang peserta telah menghadiri Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Para peserta terdiri daripada pemimpin sekolah dan tenaga pengajar dari sekolah rendah, menengah, dan pusat tingkatan enam kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta institusi-institusi pendidikan swasta.

Buat julung kalinya Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 ini turut dihadiri oleh para ibu bapa yang terpilih.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan konvensyen tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Acara konvensyen dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, selaku Pengerusi Bersama Konvensyen, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Ini diikuti dengan ucapan tetamu kehormat dan perasmian konvensyen serta pelancaran dua buah buku garis panduan iaitu 'The Students' Learning Assessment Framework' yang diterajui oleh Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan; dan 'Handbook of STEAM Competencies Rubric', yang diterajui oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP Centre) dengan kerjasama Pusat Keusahawanan dan Inovasi (Entrepreneurship Innovation Centre).

Kedua-dua buku panduan tersebut merupakan hasil usaha sama pelbagai pihak di Kementerian Pendidikan, termasuk para pemimpin sekolah melalui platform Konvensyen Pemimpin Sekolah serta pelaksanaannya secara berfasa di sekolah-sekolah sejak tahun 2023 dan 2024.

Konvensyen diteruskan dengan ucapatama bertajuk 'Policy to Practice: Leadership in Early Intervention' yang disampaikan oleh Pengarah SEAMEO SEN, Dayang Jamilah binti Kadir, selaku Penceramah Ucapatama.

Antara perisian ucapatama ini adalah perkongsian mengenai peranan penting kepimpinan sekolah dalam melaksanakan dasar sokongan pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan menekankan pengenalpastian awal, intervensi tepat pada masanya dan pembangunan holistik.

Ucapatama tersebut antara lain mengupas peranan keselarasan antara dasar, kepimpinan dan amalan bilik darjah bagi memastikan intervensi awal menjadi sebahagian daripada pendidikan inklusif.

Bagi merealisasikan hasrat ini, strategi-strategi utama yang digariskan merangkumi peningkatan keupayaan guru, penggunaan data, kolaborasi serta penglibatan ibu bapa, yang mana semuanya disokong oleh komitmen seluruh sekolah dan akauntabiliti yang jelas.

Sesi pagi diakhiri dengan Sesi Plenary dan bengkel yang bertajuk 'Early Identification and Screening' yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan dan Penyelaras Learning Centre, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohd. Syazwan Zainal.

Sesi petang pula diteruskan

dengan sebuah forum yang melibatkan Penceramah Ucapatama; Guru Besar Sekolah Rendah Rimba III, Dayang Noor Hayati binti Haji Emran; dan Pengasas 'Our Pathways Life Skills Enrichment Services', Dayang Norhaslinda binti Ibrahim selaku wakil ibu bapa.

Forum tersebut membincangkan bidang utama seperti pengenalpastian awal, intervensi, penglibatan ibu bapa dan kepimpinan inklusif yang bertujuan untuk memperkukuh penajajaran antara dasar dan amalan serta menjana pandangan untuk menyokong garis panduan kebangsaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Konvensyen ini diakhiri dengan penyampaian surat pelantikan pemimpin-pemimpin sekolah baharu diikuti dengan penyampaian insentif-insentif kepada sekolah-sekolah kerajaan yang telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan awam yang telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sesi penyampaian ini diakhiri dengan anugerah-anugerah kepada sekolah-sekolah atas pencapaian mereka dalam program-program tertentu termasuk inovasi sekolah dan kebersihan serta keselamatan sekolah.

Dengan tema 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti', konvensyen yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik dan Jabatan Sekolah-Sekolah berkenaan, antara lain bertujuan mengukuhkan kesepaduan sistemik di Kementerian Pendidikan melalui pemupukan budaya kolaboratif dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Objektif konvensyen tersebut merangkumi pengukuhan kapasiti dan kompetensi pemimpin sekolah, peningkatan akauntabiliti bersama antara jabatan dengan sekolah dalam pelaksanaan inisiatif Kementerian Pendidikan, serta pengiktirafan jangka panjang bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas di NBD.

Turut hadir pada konvensyen tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan jempunan daripada pelbagai jabatan dan institusi kerajaan serta pihak-pihak swasta dan Persatuan Bukan Kerajaan (NGO).

Terapkan pendekatan berasaskan data bagi menyokong perkembangan murid

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Rabu, 6 Mei. – Seiring dengan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 dan aspirasi nasional di bawah Wawasan Brunei 2035, adalah penting untuk memastikan kemajuan dari segi kualiti dan inklusiviti bergerak seiring.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah penting untuk memperkukuhkan sokongan kepada murid dengan pelbagai keperluan pembelajaran melalui usaha berterusan meningkatkan kapasiti guru dan memperkukuh program sokongan berstruktur di seluruh negara.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Perasmian Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 Tahun 2026 bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Namun demikian, tegas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apabila bilik darjah semakin pelbagai dari segi keperluan pembelajaran, masih terdapat keperluan untuk memperkukuhkan proses saringan dan pengenalpastian awal; kerjasama antara guru, pakar dan keluarga; dan pendekatan berasaskan data bagi menyokong perkembangan murid.

Lebih penting lagi, jelas Yang Berhormat, ini memerlukan perubahan asas dalam cara berfikir, daripada bertanya apakah kesukaran yang dihadapi pelajar kepada bertanya bagaimana kita, sebagai satu sistem, boleh bertindak dengan lebih berkesan untuk menyokong pelajar tersebut.

Yang Berhormat menambah, sistem yang kukuh dibina bukan sahaja melalui dasar, tetapi juga melalui keselarasan, kerjasama dan kepimpinan di setiap peringkat, yang mana peranan mereka adalah untuk memastikan intervensi awal tidak berlaku secara berpecah-pecah, sebaliknya diterapkan dalam struktur sekolah, amalan pengajaran, dan budaya sekolah.

Tegasnya lagi, intervensi awal bukan sekadar satu program; ia adalah satu cara berfikir dan satu pendekatan kepimpinan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, konvensyen tersebut menumpukan perhatian kepada satu perubahan penting, iaitu daripada kesedaran kepada tindakan yang lebih berdisiplin dalam cara mereka menyokong setiap pelajar.

Tambah Yang Berhormat, ia menyeru mereka untuk melangkaui sekadar mengiktiraf kepentingan inklusiviti, kepada melaksanakannya dengan jelas, teratur dan penuh tujuan.

"Apa yang dimaksudkan untuk kita hari ini ialah setiap sesi dalam konvensyen ini bukan sahaja bersifat informatif, tetapi juga mempunyai tujuan yang jelas. Perbincangan mengenai kepimpinan, saringan, tadbir urus dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan merupakan pemacu penting yang menentukan sama ada pendidikan inklusif kekal sebagai aspirasi semata-mata atau menjadi realiti dalam sekolah-sekolah kita.

"Saya mengajak semua untuk melibatkan diri dalam perbincangan ini dengan menilai konteks masing-masing: di manakah jurang antara apa yang kita ketahui dan apa yang kita laksanakan serta bagaimana kita boleh mula merapatkan jurang tersebut? Persoalan ini amat penting kerana pendidikan inklusif tidak ditentukan oleh rangka kerja yang kita lancarkan, tetapi oleh keputusan harian yang kita buat sebagai pemimpin untuk memastikan setiap pelajar dilihat, disokong dan mampu berkembang maju," ujar Yang Berhormat lagi.

Selaras dengan komitmen ini, Yang Berhormat berbesar hati untuk melancarkan dua sumber utama hari ini, iaitu 'Brunei Darussalam Learning Assessment Framework' dan 'Handbook for STEAM Competencies Rubric: Integrating Global Competencies for Future-Ready Learners'.

Menurut Yang Berhormat, kedua-duanya merupakan langkah penting ke hadapan dalam memberikan kejelasan dan hala tuju yang lebih baik tentang bagaimana mereka memahami, menilai dan menyokong pembelajaran pelajar.

Lebih penting lagi, tegas Yang Berhormat, ia memperkukuhkan jenis pelajar yang mereka hasratkan untuk dibentuk iaitu adaptif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan sambil mengingatkan mereka bahawa nilai sebenar sumber-sumber ini bukan terletak pada dokumen itu sendiri, tetapi pada bagaimana ia diterjemahkan dalam kehidupan seharian di sekolah-sekolah.



Teguh dalam tanggungjawab, amanah dalam berkhidmat

Subhanahu Wata'ala yang berlaku dalam kehidupan manusia. Sebagai umat Islam, kita dididik agar menerima ujian dan dugaan itu dengan penuh kesabaran di samping terus teguh dalam keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sabar bukan bererti lemah atau menyerah kalah, bahkan sabar ialah kekuatan jiwa yang menjadikan seseorang itu tetap teguh di atas kebenaran.

Sesungguhnya musibah yang datang dalam pelbagai bentuk seperti kemalangan, banjir, tanah runtuh, kemarau, kebakaran dan seumpamanya bukanlah sekadar bencana atau malapetaka semata-mata. Dalam pandangan Islam, musibah boleh menjadi ujian, peringatan, penghapus dosa dan juga rahmat yang mengandungi hikmah daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Pada keadaan tertentu, musibah juga boleh menjadi teguran terhadap kelalaian manusia. Oleh itu, setiap musibah hendaklah dihadapi dengan penuh keimanan, kesabaran dan muhasabah agar kita kembali berharap kepada Allah Subhanahu Wata'ala, berserah diri kepada-Nya serta terus memperbaiki kehidupan dalam keadaan susah mahupun senang.

Dalam menghadapi musibah dan detik-detik sukar seperti yang sedemikian ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) memainkan peranan yang amat penting. Tugasan utama mereka bukan sekadar memadam kebakaran, bahkan membantu dalam menyelamatkan nyawa serta mendidik masyarakat tentang langkah keselamatan, menyiasat punca kejadian serta merancang tindakan awal dan pencegahan bencana. Sesungguhnya para anggota bomba adalah wira barisan hadapan yang cekal dan tabah, sentiasa

bersedia dalam pelbagai situasi kecemasan termasuk bencana alam, kemalangan jalan raya dan operasi menyelamat yang menuntut keberanian, kesabaran dan pengorbanan yang tinggi demi kesejahteraan masyarakat dan juga negara.

Agama Islam menjadikan akhlak mulia sebagai asas penting dalam setiap aspek kehidupan, terutama dalam melaksanakan tugas, memikul tanggungjawab dan menjalankan pekerjaan. Daripada Abu Darda Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan (amalan) seorang mukmin pada Hari Kiamat selain daripada akhlak yang baik. Dan sesungguhnya Allah membenci orang yang berkata keji dan bersikap buruk". (Hadis Riwayat Tirmizi)

Sesungguhnya umat Islam dididik agar sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti jujur dalam tindakan, ikhlas dalam niat, sabar dalam menghadapi cabaran dan amanah dalam setiap tanggungjawab yang dipegang. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang diberikan amanah untuk berkhidmat dalam bidang keselamatan dan melindungi nyawa seperti anggota JBP. Setiap tindakan sama ada ketika memadam kebakaran, menyelamatkan nyawa atau melindungi harta benda, semuanya adalah amanah yang bukan hanya memberi kesan di dunia malah akan diperhitungkan di akhirat kelak. Maka laksanakanlah setiap kerja dan tugas dengan penuh rasa amanah dan tanggungjawab.

Alhamdulillah, JBP telah mencapai usia

penubuhan ke-66 pada tahun ini. Pencapaian ini bukan sekadar angka tetapi merupakan lambang kepada perjalanan panjang yang sarat dengan pengorbanan dan perjuangan. Ia mencerminkan ketabahan jiwa, kesungguhan yang tidak pernah luntur serta keikhlasan seluruh warganya dalam menunaikan amanah iaitu menjaga keselamatan nyawa, harta benda dan kesejahteraan masyarakat di seluruh negara.

Selama lebih enam dekad, jabatan ini telah menjadi antara tonggak utama dalam memastikan masyarakat hidup dalam keadaan selamat, bersedia dan berdaya tahan menghadapi pelbagai bentuk bencana dan kecemasan. Semua kejayaan ini tidak mungkin dapat diraih tanpa semangat kerja berpasukan, dedikasi yang tinggi serta nilai amanah yang sentiasa dipelihara dan diamalkan oleh para anggota di setiap peringkat.

Bagi menzahirkan rasa penghargaan atas sumbangan dan pengorbanan besar warga JBP, marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga seluruh warga JBP daripada barisan hadapan hingga ke peringkat pengurusan serta kita semua diberikan kekuatan untuk melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan keikhlasan. Semoga setiap langkah dan usaha kita sentiasa berada dalam limpahan rahmat, bimbingan serta inayah Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahuinya". (Surah Al-Anfal, ayat 27)

BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 :

Tafsirnya : "Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".

Setiap insan pasti akan berdepan dengan ujian dan dugaan. Demikianlah *sunnatullah* iaitu peraturan dan ketetapan Allah

Pengagihan Poster Sambutan HUT ABDB Ke-65



MAJLIS Penyerahan Poster sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 berlangsung di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB (atas dan atas kanan).

BERAKAS GARISON, Rabu, 6 Mei. - Majlis Penyerahan Poster sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 telah berlangsung di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, di sini.

Majlis berkenaan secara rasmi menandakan permulaan sambutan kemuncak yang dijadualkan berlangsung pada 31 Mei 2026.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Medan

Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Letenan Mohammad Noor Ridzwan bin Ahad, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Kolonel (U) Pengiran Hasrul Ariffin bin Pengiran Haji Rosley, selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan HUT ABDB Ke-65.

Seterusnya, Pengerusi Tertinggi dengan sukacitanya telah menyempurnakan penyerahan sebanyak 300 keping kepada para

wakil kementerian dan jabatan kerajaan, jabatanarah di bawah Kementerian Pertahanan dan unit-unit ABDB.

Mengusung tema 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara', penyerahan poster berkenaan bertujuan untuk memperluaskan penerangan kepada orang ramai mengenai sambutan berkenaan, khususnya bagi memaklumkan mengenai acara kemuncak yang akan berlangsung pada 31 Mei 2026 di Pangkalan Tentera Udara Rimba.



Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Memastikan inklusiviti dalam sistem pendidikan

>> Muka 14

Dalam hal ini menurut Yang Berhormat, fokus konvensyen tahun ini mencerminkan satu perubahan penting: daripada hanya bertindak balas terhadap cabaran apabila ia mula kelihatan, kepada membina sistem yang proaktif, responsif dan inklusif secara menyeluruh.

Menjamin perkembangan holistik tekannya, bukan sahaja tertumpu kepada pencapaian akademik, tetapi turut merangkumi perkembangan kognitif, sosial, emosi dan tingkah laku setiap kanak-kanak.

Bagi murid yang mempunyai Keperluan Pendidikan Khas, tambah Yang Berhormat lagi, intervensi awal bermaksud mengenal pasti keperluan lebih awal; bertindak dengan jelas dan berfokus; dan menyediakan sokongan yang tepat pada masa yang sesuai.

Dan yang paling penting tegas Yang Berhormat lagi ialah mewujudkan persekitaran pembelajaran di mana setiap kanak-kanak berasa dihargai, disokong dan mampu mencapai kejayaan.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعَاذِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَىٰ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

BFI-UNISSA MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK SEKTOR INDUSTRI, AKADEMIK



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan berlangsung di Kampus Gadong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di mana MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski dan UNISSA diwakili oleh Rektor UNISSA (atas dan kanan).

GADONG, Khamis, 7 Mei. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam usaha memperkukuh kerjasama strategik antara sektor industri dan akademik.

Majlis Penandatanganan berkenaan berlangsung di Kampus Gadong, UNISSA, hari ini.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski bagi mewakili BFI. Manakala UNISSA diwakili oleh Rektornya, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Melalui kerjasama berkenaan, kedua-dua pihak akan memperkukuh sinergi melalui pelaksanaan penyelidikan bersama, perkongsian kepakaran, penerbitan ilmiah serta pertukaran sumber berkaitan, sekali gus mempererat hubungan antara pembelajaran akademik dan amalan industri.

Para pelajar dan penyelidik juga akan mendapat pendedahan lebih menyeluruh terhadap operasi industri sebenar serta pengalaman dalam persekitaran kerja profesional.

Inisiatif berkenaan akan

membantu mereka membina kemahiran dan kompetensi yang relevan dengan kehendak industri seiring dengan kecemerlangan akademik.

Usaha berkenaan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Pada masa yang sama, MoU berkenaan mencerminkan komitmen berterusan BFI dalam memperkasa bakat tempatan serta menyokong pembangunan modal

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



insan Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui kerjasama bermakna bersama institusi pengajian tinggi.

Bagi UNISSA pula, hubungan strategik berkenaan akan memperkukuh keupayaan akademik dan penyelidikannya melalui penglibatan lebih rapat dengan sektor industri, seterusnya menghasilkan impak pembelajaran yang lebih relevan dan bernilai tinggi.

Kedua-dua pihak turut melihat potensi besar untuk memperluaskan kerjasama berkenaan ke bidang lain yang

berkepentingan pada masa akan datang.

MoU berkenaan menyediakan rangka kerja yang kukuh untuk meneroka peluang baharu dalam menyokong inovasi, pembangunan ilmu dan pertumbuhan negara yang mampan.

Pemeteraian MoU berkenaan mencerminkan visi bersama BFI dan UNISSA dalam memperkukuh hubungan antara industri dan akademik, di samping menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi NBD secara berterusan.

Penerbangan terakhir bakal jemaah negara selamat tiba di Madinah



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



ROMBONGAN penerbangan keempat tersebut terdiri daripada tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), 210 bakal jemaah haji daripada Pakej Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan 27 bakal jemaah haji daripada Pakej Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd. menjadikan jumlah keseluruhan seramai 240 orang.

HADIR bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan keempat ialah Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh dan isteri serta Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri (atas dan atas kiri).

MADINAH AL-MUNAWWARAH, Jumaat, 8 Mei. - Penerbangan keempat dan terakhir bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi menaiki pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RB) BI4207 yang membawa seramai 240 orang selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah Al-Munawwarah pada pukul 4.59 petang waktu Madinah.

Rombongan penerbangan keempat tersebut terdiri daripada tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), 210 bakal jemaah haji daripada Pakej Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan 27 bakal jemaah



haji daripada Pakej Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd. menjadikan jumlah keseluruhan seramai 240 orang.

Hadir bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan keempat ini ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri serta Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri.

Juga hadir, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD; Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji

NBD (Perubatan), Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah Kelali dan para Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan) serta dari Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan wakil Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd.

Sebanyak enam buah bas telah disediakan bagi membawa para jemaah haji NBD ke hotel penginapan masing-masing mengikut pecahan iaitu seramai 27 jemaah daripada Pakej Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd. ditempatkan di Sanabel Al Madinah Hotel, dan seramai 210 orang lagi jemaah daripada Pakej Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) ditempatkan di Hotel Maden Al Rawda.

254 BAKAL JEMAAH HAJI PENERBANGAN KETIGA TIBA DI MADINAH



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi di Riyadh hadir bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan ketiga berkenaan. Turut hadir, Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MADINAH AL-MUNAWWARAH, Khamis, 7 Mei. - Penerbangan ketiga bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI4205 dengan membawa seramai 254 orang selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah Al-Munawwarah pada jam 5.05

petang waktu Madinah.

Rombongan penerbangan ketiga berkenaan terdiri daripada tiga Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), 71 bakal jemaah haji daripada pakej Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), serta 118 bakal jemaah haji daripada pakej Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd., dan 62 bakal jemaah haji daripada pakej At-Taqwa Travel and Tours Sdn.

Bhd. menjadikan jumlah keseluruhan seramai 254 orang.

Hadir bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan ketiga berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri; serta Ketua

Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Turut menyambut, Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah Kelali; dan para pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); serta wakil dari DSSB, wakil Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; dan wakil At-Taqwa Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sebanyak tujuh buah bas telah

disediakan bagi membawa para jemaah haji NBD ke hotel penginapan masing-masing mengikut pecahan berikut, iaitu seramai 62 jemaah daripada pakej At-Taqwa Travel and Tours Sdn. Bhd. ditempatkan di Madinah Hilton Hotel. Sementara itu, 118 jemaah negara daripada pakej Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. ditempatkan di Nozol Royal Inn Hotel, manakala, 71 lagi jemaah daripada pakej DSSB ditempatkan di Hotel Maden Al Rawda.

Penerbangan kedua bakal jemaah haji negara tiba di Madinah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



MADINAH AL-MUNAWWARAH, Rabu, 6 Mei. - Penerbangan kedua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI4203 yang membawa seramai 254 orang telah selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah Al-Munawwarah pada jam 5.07 petang waktu Madinah.

Travel and Tours Sdn. Bhd. yang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 254 orang.

Hadir bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan kedua berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri; serta Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD.

Turut menyambut, Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah

Kelali; para Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); serta wakil dari DSSB; dan wakil dari Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd.

Sebanyak tujuh buah bas telah disediakan bagi membawa para jemaah NBD ke hotel penginapan masing-masing mengikut pecahan berikut, iaitu seramai 79 jemaah daripada Pakej Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd. bersama 24 jemaah daripada pakej Titian Travel and Tours Sdn. Bhd. ditempatkan di Safwa City Hotel.

Sementara itu, seramai 48 jemaah negara daripada Pakej Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd. dan 25 jemaah daripada pakej Titian

Travel and Tours Sdn. Bhd. pula ditempatkan di Dar Al Iman Al Haram Hotel.

Manakala seramai 75 jemaah daripada Pakej DSSB ditempatkan di Hotel Maden Al Rawda.





Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap




 جياتن حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TEGUH DALAM TANGGUNGJAWAB, AMANAH DALAM BERKHIDMAT

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 20 ZULKAEDAH 1447H / 08 MEI 2026M

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING. TUGAS MEREKA BUKAN SEKADAR MEMADAM KEBAKARAN, BAHKAN:

- Membantu dalam menyelamatkan nyawa
- Mendidik masyarakat tentang langkah keselamatan
- Menyiasat punca kejadian
- Merancang tindakan awal
- Pencegahan bencana

ANGGOTA BOMBA ADALAH WIRA BARISAN HADAPAN YANG CEKAL DAN TABAH, SENTIASA BERSEDIA DALAM PELBAGAI SITUASI KECEMASAN TERMASUK:

- Bencana alam
- Kemalangan jalan raya
- Operasi menyelamatkan yang menuntut keberanian, kesabaran dan pengorbanan yang tinggi demi kesejahteraan masyarakat dan juga negara

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam





**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUSTL / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut, Kawasan Belait

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPN / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama PAP Norain, Tutong.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPMAMB / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUK / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / JPI / JKS / Y01 / 2026-2027
Membekal dan Menghantar Plak bagi Majlis Haflut Takharuj Kali Ke 2 dan Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H / 2026M

Yuran Tawaran :
BND10.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
3 Zulhijah 1447H /
20 Mei 2026M
sebelum jam 2.00 Petang



Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Katimahar.

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H - 1447H / 2026M - 2027M

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
3 Zulhijah 1447H /
20 Mei 2026M
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / PEN / 001
Additional Works for the Internal and External of CQB Building, Special Force Regiment Camp, Penanjong Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
20 April 2026

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori :
KA01 & B01

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / LB / TA / 01
Pembelian Bahan Bina Bagi Projek Pembaikan Jalan Padang Tembak ETR 2 Binturan,



Penanjong Garrison

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 19 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Mei 2026,
2.00 Petang



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Lanjutan Tarikh Tutup

Pemohon-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan:
Pegawai Kewangan Kanan

Tangga Gaji:

B.3
(BND3,880- BND4,240)

Kekosongan:
1 Jawatan

Tarikh Tutup Dilanjutkan :
22 Mei 2026



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
06 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) - R

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Ink / Cartridge / Toner Printer dan Plotter Bagi Kegunaan Di Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
08 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months) For Maintenance Of Lift At HAB Tenaga Brunei Dermaga Diraja

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
09 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (36 Months) For Grass Cutting & Upkeeping Works At Muzium Daerah Belait, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
10 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Projek Term Contract (24 Months) For Maintenance Of Lift At Muzium Brunei Kota Batu, Jabatan Muzium-Muzium, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHwal
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 - 2027 / 05 / SPA / 03

Tajuk Sebut Harga :
Repair Works Of Gerbang Taman SOAS Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
14 Mei 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN DAERAH
BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Tawaran Jabatan
Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri**

BERPEK / F / 2026

Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkusan (Berpek) Berserta Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA
UTAMA / F / 2026

Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Berserta Kerabat Diraja Seramai 7 Orang dan Jamuan Tengah Hari Untuk Meja Utama Seramai 49 Orang Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP / F /
2026

Tawaran Menyediakan Santapan Pagi Untuk VIP Seramai 60 Orang Di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait dan Jamuan Tengah Hari Untuk VIP Seramai 356 Orang Di Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F /
2026

Tawaran Menyediakan Kek Puja Usia Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.4 / MAKANAN SECARA



**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA
BUFFET / F / 2026

Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bufet Bagi Acara Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F /
2026

Tawaran Membekalkan Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.7 / JAMUAN JEMPUTAN
LUAR SANTAP / F / 2026

Tawaran Menyediakan Jamuan Tengah Hari Untuk Jemputan Seramai 250 Orang Di Luar Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Tahun 2026

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga :**
JDB / 5.8 / MBP (BERPEK) DAN
MBF (BUFFET) / F / 2026
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkusan (Berpek) dan Secara Bufet Bagi Acara



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 27 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Puni
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND66.00 Sebulan

**DA / JKSH / 28 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Dato Mohd
Yassin, Mentiri
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND423.00 Sebulan

**DA / JKSH / 29 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Saba Darat
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND133.00 Sebulan

**DA / JKSH / 30 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Tungku
Daerah Brunei Muara

Persembahan Pentas Malam Perayaan dan Acara Sampingan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Belait Tahun 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Mei 2026
Jam 2:00 Petang

Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND305.00 Sebulan

**DA / JKSH / 31 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Masin
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND119.00 Sebulan

**DA / JKSH / 32 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Pehin Datu
Seri Maharaja, Mentiri
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND804.00 Sebulan

**DA / JKSH / 33 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah
Sayyidina Abu Bakar
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND747.00 Sebulan

**DA / JKSH / 34 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Perpindahan
Kampung Bukit Beruang II
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND340.00 Sebulan

**DA / JKSH / 35 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Orang Kaya Ali



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2627-QTN.03 / FSS

Tajuk Tawaran :
The Supply And Delivery Of Fifteen Thousand (15,000) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Cotton Printed With State Colour And State Crest In Red Colour On One Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance and Economy

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu
23 Mei 2026
9.00 Pagi



Wanika Setia Diraja,
Kupang
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND111.00 Sebulan

**DA / JKSH / 36 / 2026 / 2027
[BPPA-MEI-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Sungai Tali
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND514.00 Sebulan

**Bayaran Yuran
Sebut Harga:**
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
23 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi





**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah-Sekolah Ugama
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei dan Muara

**Bilangan Tawaran dan
Nama Sekolah Ugama**
KHEU / JPI / KANTIN / 28 / 06
Sekolah Ugama Pengiran Anak
Puteri Masna, Kawasan Brunei I

**Bilangan Tawaran dan
Nama Sekolah Ugama**
KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06
Sekolah Ugama Begawan Pehin
Udana Khatib Haji Awang Umar,
Kampung Setia,
Kawasan Brunei IV

Daerah Belait

**Bilangan Tawaran dan
Nama Sekolah Ugama**
KHEU / JPI / KANTIN / 40 / 06
Sekolah Ugama Pengiran Anak
Puteri Rashidah Sa'datul Bolkihah,
Seria

Daerah Temburong

**Bilangan Tawaran dan
Nama Sekolah Ugama**
KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06
Sekolah Ugama Bokok,
Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
25 Zulkaedah 1447H /
13 Mei 2026M
sebelum jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran dan
Keterangan Projek :**
01 / BBS / SH / 2026 - 2027
Renovation Work For
Bangunan Bengkel Bandaran,
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Seria,
Jalan Lorong Setia Diraja,
Kuala Belait

**Bilangan Tawaran dan
Keterangan Projek :**
02 / BBS / SH / 2026 - 2027
Renovation Work For
Bangunan Bengkel Bandaran,
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria,
Jalan Lorong Setia Diraja,
Kuala Belait

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Temburong

Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Temburong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
permatasautin di Daerah
Temburong khususnya
Kampung Lepong Baru,
Kampung Lepong Lama,
Kampung Semabat,
Kampung Temada dan
Kampung Kenua
bagi mengisi jawatan
sebagai Ketua Kampung
Lepong Baru,
Mukim Bokok.

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan
adalah pada Sabtu,
11 Muharam 1447
bersamaan 27 Jun 2026,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
5221266

Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua
Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok,
Daerah Temburong

1. Ketua Kampung Lepong
Baru, Mukim Bokok
- Kampung Lepong Baru
- Kampung Lepong Lama
- Kampung Semabat
- Kampung Temada
- Kampung Kenua



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum
memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan
tidak memenuhi syarat
kelayakan skim iklan akan
ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan
(Keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
*Sila transfer dan pengaliran Makl. Kelulusan Pengkategorian Kelulusan
(PKPO) yang berkenaan
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat
(Jawatan / pekerjaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan /
kelulusan profesional dan latihan yang dipertanyakan di dalam skim iklan)

+673 7371961



PSC.BN

query@spa.gov.bn



Talian WhatsApp:
Suruhajaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEKERJA AM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/MAY/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	16 MEI 2026
2. PEGAWAI PELAJARAN KANAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.15 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	38(A)	16 MEI 2026
3. JURUTERA KERJA JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	16 MEI 2026

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAH TERDIRI DARI PEJAWA DAN KAWATANGAN KEJAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PAHOUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:

JPH / 002 / SH / 2572 /
2026 - 2027

Tender To Bid For
The Rights To Harvest,
Extract, And Remove
Forest Produce

(Primarily Acacia Trees)
Within Designated Areas
Of The Berakas Forest Reserve,
Brunei Muara District

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
14 Mei 2026
2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
5 Mei 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
12 Mei 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 050 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Untuk Membaiki
Kebocoran Paip Komunikasi Dan
Agihan Di Daerah Temburong
Bagi Tempoh 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 19 / 2026 / 2027
(JPPE-MEI-2026)

Supply, Deliver And Fix Into Place
New Stainless Steel Counter Top,
Fixed And Loose Furniture
Including Upgrading Works To
Food And Nutrition Cookery Room
At Sekolah Menengah Pehin
Dato Seri Maharaja,
Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II / III Sahaja

Kategori:
B01 & E01

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen Tawaran:**
Sabtu
16 Mei 2026

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa
19 Mei 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang



BENGKEL ZAINUL QURAN MEMPERKUKUH BACAAN, PENGHAYATAN AL-QURAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada Majlis Penutup Bengkel Zainul Quran (atas dan atas kanan).

SERUSOP, Rabu, 6 Mei. - Bengkel Zainul Quran Bersama Qari Antarabangsa sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan selama enam hari bermula Khamis, 30 April 2026 telah melabuhkan tirainya baru-baru ini dengan Majlis Penutup Bengkel Zainul Quran yang diadakan bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkihah,

Kampung Serusop. Hadir selaku tetamu khas majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penutup Bengkel, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar. Sepanjang enam hari penganjuran, bengkel berkenaan telah berjaya memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada para peserta dalam mempertingkatkan kualiti bacaan Al-Quran, meliputi aspek

tarannum, teknik vokal, kawalan pernafasan serta gaya persembahan tilawah. Bimbingan intensif yang dikendalikan oleh Awang Mohamad Husaini bin Mahmud, iaitu qari antarabangsa dari Malaysia telah memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan keyakinan dan kemahiran peserta. Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada Mohamad Husaini, yang juga fasilitator bengkel.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



Terdahulu majlis dimulakan dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada wakil peserta bengkel dan diteruskan dengan rumusan bengkel daripada fasilitator jemputan. Majlis menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada Awang Mohamad Husaini, dan diikuti dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta bengkel sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan penglibatan aktif sepanjang bengkel dikendalikan. Acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu

khas majlis dan fasilitator. Adalah diharapkan agar ilmu dan pengalaman yang diperolehi melalui Bengkel Zainul Quran berkenaan akan terus dimanfaatkan dalam memperkukuh bacaan serta penghayatan Al-Quran, seterusnya melahirkan generasi qari dan qariah yang berwibawa dan mampu mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Penganjuran bengkel juga selaras dengan tema musabaqah pada tahun ini, iaitu 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

Mesyuarat bagi menyelaraskan, membincangkan keperluan Mesyuarat Agung Perwakilan

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Bagi memastikan kelancaran dan kejayaan Mesyuarat Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Kali Ke-76, 2025 hingga 2026 yang akan diadakan pada Jun depan, Jawatankuasa Urus Setia Mesyuarat berkenaan baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat bagi menyelaraskan dan membincangkan pelbagai keperluan Mesyuarat Agung Perwakilan berkenaan. Antara agenda mesyuarat berkenaan ialah menyelaraskan laporan 2024 hingga 2025, Laporan Setiausaha Agung PGGMB, Laporan Setiausaha

Cawangan (SUCA), Laporan Bahagian-bahagian PGGMB, Laporan Kunci Kira-kira, senarai Ahli Perwakilan Mesyuarat Agung dan profil PGGMB. Perkara berkenaan akan dimuatkan dalam Buku Program Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Kali Ke-76, 2025 hingga 2026. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negara), PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan, selaku Pengerusi Bersama Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB tahun ini. Awang Haji Yahya menjelaskan bahawa jawatankuasa urus setia memainkan peranan yang

JAWATANKUASA Urus Setia Mesyuarat Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Kali Ke-76 baru-baru ini mengadakan mesyuarat bagi menyelaraskan dan membincangkan pelbagai keperluan Mesyuarat Agung Perwakilan berkenaan. sangat penting dan signifikan dalam menjayakan mesyuarat berkenaan. Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Kali Ke-76, 2025 hingga 2026 berkenaan dihasrat akan berjalan dengan lancar dan berjaya. Hadir sama, Yang Dipertua



PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong, pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat PGGMB.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 جوبورونجاي فرخدمتن عوام
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. **iklan jawatan kosong** / **Kalendar saya** / **kedudukan permohonan** / **aduan saya**
2. **Status Permohonan Kerja**
3. **Ujian** / **Temu Duga**

Bahagian	Status	Libat Pusing
T	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00%
B	PROSES PERAKUAN	00%
W	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00%
W	TIDAK HADIR	00%
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00%
W	PEMOHON DITERIMA	00%

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

AFMGM+3 : USAHA MEMPERKUKUH KERJASAMA DAN KOLABORASI SERANTAU

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Foto : Ihsan Ministry of Finance, Japan, Asian Development Bank

SAMARKAND, UZBEKISTAN, Khamis, 7 Mei. - Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad telah menghadiri 29th AFMGM+3 Meeting yang diadakan di Samarkand, Uzbekistan pada 3 Mei 2026.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan, Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari, Pembangunan dan Antarabangsa) di Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Awang Mardini bin Haji Eddie.

29th AFMGM+3 Meeting dipengerusikan bersama oleh Undersecretary of the Department of Finance of the Philippines, His Excellency Joven Z. Balbosa; dan Monetary Board Member of the Bangko Sentral ng Philipinas, Her Excellency Rosalia V. De Leon; serta Minister of Finance of Japan, Her Excellency Katayama Satsuki, dan Deputy Governor of the Bank of Japan, His Excellency Himino Ryozo.

Mesyuarat dimulakan dengan perbincangan mengenai prospek ekonomi serta cadangan dasar bagi menangani risiko dan cabaran global yang dibentangkan oleh Asian Development Bank (ADB), International Monetary Fund dan the ASEAN+3 Macroeconomic Research Office.

Perbincangan seterusnya memberi tumpuan kepada kemajuan kerjasama kewangan ASEAN+3 seperti Chiang Mai Initiative Multilateralization (CMIM), Asian Bond Markets Initiative (ABMI) dan Disaster Risk Financing Initiatives (DRFI) serta inisiatif the ASEAN+3 Future.

Dalam mesyuarat berkenaan, Awang Haji Asrul Adrain menyatakan bahawa dalam menghadapi ketidakpastian global semasa, kerjasama ASEAN+3 adalah amat penting bagi mengekalkan kestabilan

dan daya tahan serantau, yang disokong oleh inisiatif nasional negara-negara anggota.

Beliau turut menyatakan bahawa dalam memantau kesan perkembangan global terhadap ekonomi domestik, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus melaksanakan dasar yang menggalakkan pertumbuhan sambil memperkukuh kelestarian fiskal, yang secara keseluruhan menyokong daya tahan ekonomi dan keadilan antara generasi.

Mesyuarat berkenaan telah meluluskan Kenyataan Bersama 29th AFMGM+3 seperti yang terkandung dalam Lampiran 'A'.

AFMGM+3 diadakan setiap tahun dan menghimpunkan Menteri Kewangan serta Central Bank Governors daripada Negara Anggota ASEAN+3 bagi membincangkan perkembangan kewangan dan ekonomi serantau serta usaha memperkukuh kerjasama dan kolaborasi serantau.

Awang Haji Asrul Adrain juga menghadiri 59th ADB Board of Governors Annual Meeting yang diadakan di Samarkand, Uzbekistan dari 4 hingga 6 Mei 2026.

Bertemakan 'Crossroads of Progress : Advancing the Region's Connected Future', perbincangan utama mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada keterhubungan, kewangan inovasi digital, ketika rantau ini berusaha mencapai pertumbuhan yang berdaya tahan dan mampan.

Semasa Business Session of the ADB Board of Governors Annual Meeting pada 5 Mei 2026, perbincangan tertumpu kepada usaha memperkukuh penyelesaian praktikal dalam bidang keterhubungan serantau, inovasi digital dan pembiayaan pembangunan.

Dalam kenyataannya, NBD mengiktiraf sokongan berterusan ADB terhadap keutamaan ASEAN dalam tenaga, pasaran modal dan infrastruktur mampan, serta menyeru



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, hadir pada 29th AFMGM+3 Meeting di Samarkand, Uzbekistan baru-baru ini.

pengukuhan kerjasama dalam mengintegrasikan daya tahan iklim dan inovasi digital dalam agenda serantau lain seperti keterjaminan makanan, pembangunan industri hijau dan rantaian bekalan yang berdaya tahan; memperkukuh kerjasama ADB dalam menyokong pendekatan strategik yang menumpukan pembiayaan dan pelaburan, mobilisasi sumber serta pembangunan kapasiti bagi mempercepatkan pembangunan laluan ekonomi dan kluster industri baharu di Brunei -Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area; dan menyatakan hasrat untuk memperkukuh kerjasama yang menyokong keutamaan domestik seperti kepelbagaian ekonomi, peralihan hijau dan pertumbuhan inovatif.

Di luar ADB Board of Governors Annual Meeting berkenaan, Awang Haji Asrul Adrain juga menghadiri 2026 Constituency Senior Officials' Meeting bagi NBD, Malaysia, Nepal, Republik Singapura, Thailand dan Republik Turkiye.

Penutupan sementara Klinik Pergigian, Pusat Kesehatan Labi

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan mutu dan keselamatan perkhidmatan pergigian kepada orang ramai, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kerusi serta peralatan pergigian di Klinik Pergigian, Pusat Kesehatan Labi.

Sehubungan itu, Klinik Pergigian berkenaan akan ditutup sementara mulai Sabtu, 9 Mei 2026 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pesakit yang memerlukan rawatan pergigian adalah dinasihatkan untuk mendapatkan perkhidmatan di Klinik Pergigian, Pusat Kesehatan Sungai Liang sebagai pilihan terdekat, pada Isnin hingga Khamis (sesi pagi) bagi semua jenis rawatan pergigian, manakala pada Sabtu pula, perkhidmatan adalah terhad kepada kes-kes kecemasan sahaja.

Selain itu, pesakit juga boleh mendapatkan rawatan di Klinik Pergigian, Pusat Kesehatan Seria atau Klinik Pergigian, Hospital Suri Seri Begawan mengikut kesesuaian dan keperluan rawatan.

Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi berikutan penutupan sementara ini dan amat menghargai kerjasama serta kefahaman orang ramai.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau layari laman sesawang www.moh.gov.bn atau mengikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei.

Mesej tular kewujudan 'Jabatan Ibu dan Anak' adalah tidak benar

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai satu mesej dan hantaran tular di media sosial yang mendakwa terdapat seorang individu menyamar sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan serta mengaitkan kewujudan sebuah 'Jabatan Ibu dan Anak' di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan bagi tujuan tertentu.

Kementerian Kesihatan menegaskan bahawa maklumat yang ditularkan berkenaan adalah tidak benar dan tidak sah.

Setakat ini, tiada sebarang pengesahan bahawa individu yang dimaksudkan merupakan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Orang ramai juga dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat yang belum dipastikan kesahihannya, termasuk menularkan perbualan, gambar atau dakwaan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan reputasi pihak tertentu.

Kementerian Kesihatan memandang serius penyebaran maklumat palsu atau mengelirukan yang menggunakan nama serta imej kementerian bagi tujuan yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah disarankan untuk sentiasa berhati-hati apabila berurusan dengan mana-mana individu yang mendakwa mewakili Kementerian Kesihatan, khususnya melibatkan urusan tempahan, permintaan kewangan, sumbangan, pembelian atau sebarang transaksi.

Kementerian Kesihatan menyarankan orang ramai untuk melaporkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti yang mencurigakan atau berunsur penipuan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan bagi membantu siasatan lanjut.

Kementerian Kesihatan merakamkan penghargaan atas kerjasama dan kewaspadaan orang ramai dalam membantu membendung penyebaran maklumat yang tidak benar demi menjaga ketenteraman dan kepentingan bersama.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026
- 'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026
- 'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

6 PELAJAR SERTAI ISP 2026 DI PHUKET, THAILAND



■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Rabu, 6 Mei. - Enam orang pelajar bersama dua guru pengawas hari ini berlepas ke Phuket, Thailand bagi menyertai pertandingan The 2nd International Student Project Excellence Award

(ISP) 2026 yang akan berlangsung pada 7 Mei 2026.

Penyertaan tersebut diselenggarakan oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan.

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Prince of Songkla University, Thailand.

Delegasi negara diwakili oleh tiga pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali iaitu Erene Nicole Anak Edanan, Nur Rifqah Athilah

PEGAWAI Pelajaran Kanan dari Pusat STEP, Awang Misli bin Moxsin hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar.

mengucapkan selamat belayar ialah Pegawai Pelajaran Kanan dari Pusat STEP, Awang Misli bin Moxsin.

Pertandingan ini bertujuan menggalakkan kecemerlangan akademik, kreativiti serta kerjasama antarabangsa dalam kalangan pelajar melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek, khususnya dalam bidang sains dan sains sosial.

Dua projek telah berjaya mara ke peringkat akhir dalam kategori Sains Sosial, iaitu projek daripada Sekolah Menengah Sayyidina Ali bertajuk 'From Paper to Platform: An AI-Enabled Learning Management System for Brunei Secondary Schools' serta projek daripada Sekolah Rendah Rataie bertajuk 'Project Rataie'.

Antara pengisian program termasuk penilaian pameran projek peringkat akhir serta sesi pembentangan projek oleh para pelajar di hadapan panel juri antarabangsa.

Azzyati binti Muhamad Zainin dan Nur Imanina@Rawiyah binti Aziz.

Manakala, tiga lagi pelajar dari Sekolah Rendah Rataie ialah Nur Alya Syafiqah binti Ahmad Sufi, Nur Aliya binti Ali Sufian dan Muhammad Rafid Nur Aiman bin Ramli.

Turut mengiringi rombongan ialah Pegawai Pelajaran dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Awang Muhammad Hasif bin Awang Nordin serta Pegawai Pendidikan dari Sekolah Rendah Rataie, Dayangku Noorhasyimah Nadrah@Dayangku Arina binti Pengiran Ahmad.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi

Pameran Projek Tahun Akhir PB dilancarkan



■ Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Rabu, 6 Mei. - Politeknik Brunei (PB) telah mengadakan Majlis Perasmian Pameran Projek Tahun Akhir 2026 yang bertemakan IMPIAN, 'Today's Act, Tomorrow's Impact', bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Seramai 326 orang pelajar

Perdagangan (SBS) serta Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT) mempamerkan hasil kerja mereka dalam pameran tersebut.

Pameran berkenaan berlangsung selama tiga hari bermula 5 hingga 7 Mei 2026.

Dari SBS, para pelajar yang terlibat adalah daripada program Level 5 Diploma in Business

PENGURUS Besar di Brunei Innovation Lab, Awang Muhammad Saiful Azzam bin Haji Sarpudin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian pameran berkenaan (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang menyertai pameran.

Accounting and Finance; Level 5 Diploma in Entrepreneurship & Marketing Strategies serta Level 5 Diploma in Human Capital Management.

Manakala dari SICT, para pelajar yang terlibat adalah daripada program Level 5 Diploma in Application Development, Level 5 Diploma in Cloud and Networking; Level 5 Diploma in Data Analytics, Level 5 Diploma in Digital Arts and Media; serta Level 5 Diploma in Web Technology.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian pameran berkenaan ialah Pengurus Besar di Brunei Innovation Lab, Awang Muhammad Saiful Azzam bin Haji Sarpudin.

Juga hadir, Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman; Pemangku Penolong Pengarah (Akademik) PB, Dayang Rahimah binti Mohiddin; Pemangku Pengetua PB, Dayang Hajah Armah binti Tengah; bersama ketua-ketua bahagian dan sekolah, jemputan khas, rakan-rakan industri, pegawai-pegawai, warga akademik serta para pelajar PB.

Ketua SICT, Tan Szu Tak, dalam ucapan alu-aluan berkata, konsep IMPIAN pada pameran tersebut dijadikan sebagai aspirasi untuk mendorong para pelajar bertindak pada masa kini demi membentuk masa hadapan yang lebih baik.

Tema ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035



dalam usaha membangunkan golongan belia ke arah kejayaan serta membentuk masyarakat yang berasaskan pengetahuan dan berdaya saing.

Pameran tersebut menyediakan peluang yang signifikan kepada para pelajar untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang tempoh pengajian.

Melalui pameran itu, para pelajar berupaya mempraktikkan pengetahuan secara langsung dalam situasi sebenar, di samping memperkukuh kemahiran teknikal, penyelesaian masalah, komunikasi dan pembentangan.

Selain itu, pameran berkenaan turut membuka ruang kepada pelajar untuk berinteraksi secara profesional dengan pengunjung serta pihak industri, sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan membentuk keupayaan mereka untuk menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara, bermula daripada projek di peringkat institusi.

Keunikan pameran pada tahun ini terserlah melalui projek-projek yang lebih relevan dan selari dengan perkembangan semasa.

Setiap tahun, para pelajar menyesuaikan pelaksanaan projek mereka mengikut keperluan industri serta perubahan trend pasaran.

Antaranya penerapan elemen seperti penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), pemasaran digital, pembangunan aplikasi sesawang serta Internet of Things (IoT) dalam pelaksanaan projek pelajar.

Selain itu, terdapat juga projek yang tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada produk fizikal, sebaliknya dilaksanakan secara dalam talian, sejajar dengan kemajuan teknologi masa kini.

Pendekatan tersebut mencerminkan keupayaan pelajar untuk beradaptasi dengan landskap digital yang semakin berkembang.

PB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pameran ini serta mengucapkan tahniah kepada 326 orang pelajar tahun akhir Pengambilan Ke-14, yang hasil kerja mereka mencerminkan kematangan, visi, dan kesiapsiagaan untuk menyumbang kepada industri dan masyarakat.





Kesiapsiagaan JBP menghadapi cabaran kecemasan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

PERKHIDMATAN memadam kebakaran atau perkhidmatan bomba di Negara Brunei Darussalam telah melalui pelbagai fasa perkembangan sejajar dengan perubahan cabaran semasa dan keperluan keselamatan negara. Pada peringkat awal penubuhannya, perkhidmatan memadam kebakaran berada di bawah pentadbiran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sebagai salah satu tugas tambahan selain menjaga keamanan dan keselamatan negara. Namun demikian, keperluan terhadap sebuah organisasi khusus dalam menangani kebakaran telah membawa kepada penubuhan rasmi Pasukan Bomba pada 1 Januari 1960 sebagai sebuah jabatan yang berasingan daripada PPDB. Penubuhan tersebut melibatkan pemindahan seramai 36 anggota polis termasuk seorang pegawai berpangkat Inspektor yang dilantik sebagai Superintendent of Fire Brigade.

Seiring dengan perkembangan negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) terus diperkasakan melalui pengenalan undang-undang serta penstrukturan pentadbiran yang lebih sistematik. Pada tahun 1966, Undang-undang Pasokan Bomba telah diluluskan bagi memperjelaskan bidang kuasa serta tanggungjawab jabatan. Pada awal penubuhannya, jabatan ini dipimpin oleh pegawai-pegawai pinjaman dari Hong Kong dan United Kingdom sebelum anak tempatan mula diberi kepercayaan menerajui organisasi tersebut pada tahun 1981. Anak tempatan pertama yang memegang jawatan Pengawal Pasokan Bomba ialah Dato Paduka Awang Haji Yaakob bin Haji Mohd. Yusoff.

Perubahan nama jabatan turut mencerminkan evolusi peranannya. Pada 9 November 1987, nama Pasokan Bomba ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan seterusnya pada 9 Mac 2006 dikenali sebagai JBP selaras dengan pembangunan negara serta kemajuan ekonomi yang semakin menjurus kepada tugas-tugas penyelamatan. Perubahan nama tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Seta Awang Haji Mohd. Yusoff.

Pada masa kini, JBP bukan sahaja berperanan dalam operasi pemadaman kebakaran, malah turut melaksanakan pelbagai operasi penyelamatan dan bantuan kemanusiaan. Antara skop utama perkhidmatan ialah operasi kebomba dan

penyelamatan termasuk operasi penyelamat khas seperti *diver*, *hazardous materials* (HazMat) dan *technical rescue*. Selain itu, pengurusan kemanusiaan bencana alam dan pandemik serta perkhidmatan pencegahan kebakaran dan program jangkauan masyarakat juga termasuk dalam skop perkhidmatan JBP. Pendekatan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan kesiapsiagaan yang menyeluruh demi keselamatan negara.

Statistik panggilan kecemasan tahun 2026

Sepanjang tempoh dari 1 Januari hingga 28 April 2026, JBP telah menerima sebanyak 470 panggilan kecemasan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46 panggilan melibatkan kebakaran struktur. Statistik ini menunjukkan bahawa keperluan terhadap perkhidmatan kecemasan kekal tinggi dan memerlukan kesiapsiagaan berterusan daripada pihak jabatan.

Peningkatan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan melaporkan kecemasan dengan segera turut memainkan peranan penting dalam memastikan tindakan pantas dapat diambil bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Inisiatif JBP

JBP turut memberi penekanan kepada penglibatan masyarakat melalui pelbagai inisiatif keselamatan di peringkat akar umbi. Antara usaha yang giat dilaksanakan ialah pembahagian peralatan memadam kebakaran kepada kampung-kampung strategik sebagai langkah memperkukuhkan respons awal semasa kecemasan, pemantauan kebakaran kecil serta penyampai maklumat keselamatan.

Selain itu, program pemerkasaan komuniti seperti penubuhan First Responder dan Program Jangkauan Masyarakat terus dipergiatkan menerusi inisiatif seperti Lifesaver 995, Taklimat Keselamatan Kebakaran serta Demonstrasi Ta tacara Memadam Kebakaran. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan tahap kesedaran awam, malah mampu membentuk masyarakat yang lebih bersedia dalam menghadapi situasi kecemasan.

Kesiapsiagaan menghadapi musim panas melampau

Dalam menghadapi keadaan cuaca panas dan kering yang berpotensi meningkatkan risiko kebakaran, JBP sentiasa berada pada

tahap kesiapsiagaan yang tinggi, tersusun dan proaktif. Pelbagai langkah strategik telah dilaksanakan termasuk penempatan aset di kawasan *hotspot* kebakaran, rondaan berkala di kawasan hutan dan tanah gambut serta memastikan kesiapsiagaan jentera dan logistik air sentiasa berada pada tahap optimum.

Di samping itu, latihan simulasi kecemasan berskala besar atau *table top exercise* turut diadakan secara berkala bagi memperkukuhkan kecekapan anggota dalam menangani insiden secara pantas dan berkesan. Kerjasama erat bersama agensi seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui pelaksanaan Operasi Water Bombing, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) turut diperkukuhkan bagi memastikan pengurusan insiden dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan.

Saranan, nasihat kepada orang ramai dalam menghadapi keadaan cuaca semasa

Dalam menghadapi keadaan cuaca panas dan kering ketika ini, orang ramai disarankan supaya sentiasa berwaspada dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya kebakaran. Elakkan sama sekali aktiviti pembakaran terbuka seperti membakar sampah atau sisa kebun kerana keadaan cuaca yang kering boleh menyebabkan api mudah merebak tanpa kawalan. Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuang puntung rokok merata-rata.

Pastikan peralatan memasak dan pendawaian elektrik berada dalam keadaan selamat sebelum meninggalkan rumah. Di samping itu, orang ramai digalakkan menyediakan alat pemadam api serta pelan tindakan kecemasan di kediaman masing-masing.

Bagi memastikan tahap keselamatan kebakaran sentiasa berada pada tahap maksimum, orang ramai juga disarankan untuk membuat pemeriksaan secara berkala dan memastikan alat pemadam api berada dalam tempoh sah penggunaan, memasang pengesan asap di kawasan strategik serta memastikan laluan kecemasan tidak terhalang di dalam rumah atau bangunan.

Langkah-langkah pencegahan ini amat penting bagi mengurangkan risiko kebakaran, khususnya ketika cuaca tidak menentu yang boleh mempercepatkan penyebaran api atau mencetuskan punca kebakaran.

Sekiranya berlaku sebarang insiden kebakaran atau kecemasan, orang ramai hendaklah segera menghubungi Talian Kecemasan 995 bagi mendapatkan tindakan segera. Kerjasama dan keprihatinan orang

ramai amat penting dalam membantu mencegah kejadian kebakaran, khususnya dalam keadaan cuaca yang mencabar.

Perancangan strategik memperkasa perkhidmatan

Bagi memastikan mutu perkhidmatan terus relevan dan efisien, JBP turut memberi fokus kepada pembangunan sumber manusia serta penerapan teknologi moden. Latihan kepakaran secara berterusan dalam bidang kritikal seperti pengendalian bahan berbahaya (HazMat), operasi mencari dan menyelamat (SAR) serta operasi penyelamat bandar (*urban rescue*) terus diperkukuhkan bagi meningkatkan kompetensi anggota.

Selain itu, penglibatan wanita dalam operasi turut diperkasa selaras dengan usaha memperkukuhkan kepelbagaian serta keupayaan sumber manusia dalam mendepani cabaran perkhidmatan yang semakin kompleks. Tugas ahli bomba wanita adalah melaksanakan tugas-tugas operasi dan menyelamat seperti mana juga tugas anggota bomba lelaki. Waktu bertugas mereka adalah selama 24 jam *on* dan 48 jam *off* secara bergilir-gilir mengikut pasukan masing-masing.

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi, jabatan ini terus memperkukuhkan keupayaan operasi melalui penerapan pendekatan inovatif termasuk penggunaan *dron* bagi tujuan pemantauan kawasan berisiko serta penilaian situasi kebakaran dan kecemasan lain seperti banjir dan operasi penyelamatan. Melalui keupayaan pemantauan dari udara, maklumat yang diperoleh lebih menyeluruh dan bersifat masa nyata, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi dalam membuat keputusan yang lebih tepat, pantas dan berasaskan maklumat.

Pencapaian, kejayaan

Antara pencapaian utama JBP termasuk keupayaan mengekalkan kadar respons kecemasan yang pantas, kejayaan dalam pelaksanaan operasi menyelamat nyawa serta pengurangan kerugian akibat kebakaran melalui tindakan yang cekap dan berkesan. Di samping itu, jabatan ini turut menerima pengiktirafan dalam aspek latihan dan kerjasama di peringkat antarabangsa, sekali gus mencerminkan tahap kompetensi yang tinggi dalam kalangan anggotanya.

Kejayaan-kejayaan ini merupakan hasil profesionalisme anggota yang sentiasa komited dalam menjalankan tugas, kerjasama erat antara agensi berkepentingan serta sokongan berterusan daripada masyarakat dalam usaha bersama memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

BIBD TERUS MENDUKUNG KEMAJUAN PMKS



ACARA Mapping the Way Forward : Inclusive Business in Brunei Darussalam Landscape Study - Kick-Off Event baru-baru ini menekankan komitmen berterusan BIBD untuk memupuk ekosistem PMKS yang inklusif dan berdaya tahan di Negara Brunei Darussalam.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) akan terus memperkukuh peranannya dalam memajukan keusahawanan inklusif dengan menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di setiap peringkat perjalanan perniagaan mereka, termasuk golongan yang kurang mendapat akses.

BIBD secara sistematik menilai kekuatan unik dan cadangan nilai pelanggan setiap perniagaan, membolehkan bank untuk lebih memahami para usahawan dan memberikan sokongan yang lebih fokus dan bermakna.

Ini termasuk menilai keselarasan produk dan perkhidmatan sesebuah syarikat dengan aspirasinya, keupayaan pelaksanaan, jangka masa

pengantaran dan tahap usaha yang diperlukan daripada pelanggan - semuanya dibandingkan dengan keadaan pasaran.

"Sebelum kita berbicara tentang pembiayaan, kami lebih suka untuk berbual bagi memahami siapa awda sebagai seorang usahawan. Dari sana, kami boleh mengambil pendirian untuk terlibat dalam membangunkan asas yang kukuh yang menyokong pertumbuhan masa depan," kata Ketua Bahagian PMKS di BIBD, Awang Muhammad Isa Liew.

Awang Muhammad Isa berkongsi pandangan ini semasa sesi perbincangan santai (*fireside chat*) pada acara Mapping the Way Forward : Inclusive Business in Brunei Darussalam Landscape Study - Kick-Off Event baru-baru ini, yang menekankan komitmen

berterusan BIBD untuk memupuk ekosistem PMKS yang inklusif dan berdaya tahan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Acara tersebut menandakan pelancaran rasmi kajian nasional untuk menilai status perniagaan inklusif dan perusahaan sosial di negara ini.

Dimulakan hasil daripada penglibatan dengan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (ESCAP), kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peluang, menilai ekosistem yang membolehkan dan membangunkan cadangan strategik untuk memajukan amalan perniagaan inklusif sebagai sokongan kepada pembangunan sosioekonomi NBD dan Wawasan Negara 2035.

BIBD SEED komited untuk memperkasakan individu daripada latar belakang kurang bernasib baik, dengan penekanan yang kuat kepada wanita dan usahawan peringkat awal.

Program ini menyediakan latihan menyeluruh, sumber penting, dan sokongan khusus untuk membantu peserta membangunkan perniagaan yang mampan dan mewujudkan impak sosioekonomi yang berkekalan di NBD.

Projek TUNAS pula merupakan platform runcit yang diwujudkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kerjasama BIBD, untuk mengangkat perniagaan dari rumah dan perusahaan kecil yang dijalankan oleh individu berpendapatan rendah.

Dengan menyediakan pasar raya khusus, inisiatif ini memberikan usahawan peluang untuk mempamerkan dan menjual

barangan mereka, mendapat pendedahan, dan membina keyakinan dalam perjalanan perniagaan mereka.

Sebagai rakan dalam kemajuan, BIBD menyokong KHEDN dalam memajukan projek ini dan memacu keusahawanan peringkat akar umbi, membantu perusahaan kecil berkembang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi inklusif NBD.

BIBD Connects, sebuah inisiatif CSR, diwujudkan untuk menyediakan akses pasaran dan keterlihatan bagi perniagaan mikro, kecil, perusahaan kecil, syarikat pemula, dan perusahaan belia di NBD.

Objektifnya adalah untuk memperkasakan usahawan dengan platform untuk mempamerkan dan menjual produk mereka, memperkukuh perusahaan peringkat akar umbi, membina keyakinan, memupuk keterangkuman, dan menggalakkan penglibatan komuniti.

Dengan melengkapkan penyelesaian kewangan dengan pendedahan pasaran sebenar, BIBD Connects menyokong pertumbuhan mampan dan menyumbang kepada matlamat pembangunan nasional NBD di bawah Wawasan Negara 2035.

Sementara, BIBD Mega Karnival merupakan salah satu platform terbesar di NBD untuk PMKS, syarikat pemula, dan perniagaan belia, yang berfungsi sebagai pemacu pertumbuhan strategik yang mempamerkan keusahawanan tempatan, membina pengiktirafan jenama, memupuk kerjasama, memperkukuh kebanggaan komuniti, dan menyokong matlamat

pembangunan inklusif dan mampan negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

Inisiatif-inisiatif ini diperkukuh lagi oleh penyelesaian kewangan teras BIBD, yang menyediakan PMKS dengan perbankan perniagaan yang mudah diakses dan pembiayaan patuh Syariah yang disesuaikan dengan keperluan pertumbuhan mereka.

Akaun PMKS BIBD memperkasakan perniagaan kecil untuk memformalkan operasi, menyelaraskan transaksi, dan mewujudkan kredibiliti di pasaran.

Melengkapi ini, pilihan pembiayaan seperti sokongan modal kerja dan pembiayaan aset membolehkan perusahaan berkembang secara bertanggungjawab, melabur dalam produktiviti, dan membina daya tahan.

Acara tersebut, yang menghimpunkan pihak berkepentingan utama daripada kerajaan, industri, dan sektor kewangan, bertujuan untuk memperkenalkan konsep perniagaan inklusif, mengumpul pandangan, dan mengukuhkan kerjasama ke arah membangunkan landskap ekonomi yang lebih inklusif dan mampan.

Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), dan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik (ESCAP), dengan sokongan BIBD yang menekankan komitmennya untuk memajukan keutamaan pembangunan nasional.

SE:TAPak beri kefahaman jelas mengenai SPK



TABUNG Amanah Pekerja (TAP) meneruskan usaha jangkauan melalui inisiatif SE:TAPak, yang bertujuan membantu individu bekerja sendiri untuk memahami dengan lebih jelas mengenai Skim Persaraan Kebangsaan (kiri, kanan dan bawah kanan).

festival makanan, yang merupakan sebahagian daripada golongan individu bekerja sendiri dan usahawan mikro yang semakin berkembang.

Sepanjang sesi tersebut, Pegawai TAP mendekati para peniaga di gerai masing-masing serta pengunjung untuk memberikan penerangan ringkas dan mudah difahami mengenai manfaat Skim Persaraan Kebangsaan Bekerja Sendiri (SPK SE).

Sesi ini juga memberi peluang kepada individu yang bekerja sendiri untuk mengemukakan soalan, mendapatkan penjelasan lanjut serta menerima panduan pendaftaran secara mudah dan praktikal.

SPK SE merupakan skim sukarela yang dikhususkan untuk membantu individu bekerja sendiri membina simpanan persaraan mereka. Tertakluk kepada kriteria kelayakan dan syarat-syarat tertentu, individu bekerja sendiri yang disahkan layak boleh menerima caruman tambahan melalui Caruman Match-Up



■ Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

Kerajaan.

Skim ini juga menyediakan perlindungan kepada tanggungan ahli melalui manfaat turunan, sekali gus memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial bagi golongan bekerja sendiri.

Seiring dengan kepelbagaian bentuk pekerjaan masa kini, SPK SE merangkumi pelbagai jenis pekerjaan termasuk peniaga makanan, pekerja bebas, pekerja gig, penghantar, penjual dalam talian serta usahawan berasaskan rumah.

Skim berkenaan menawarkan fleksibiliti dalam caruman, membolehkan individu menyumbang mengikut tahap pendapatan masing-masing sambil memastikan simpanan berterusan ke arah keselamatan kewangan jangka panjang.

Inisiatif SE:TAPak mencerminkan komitmen berterusan TAP dalam memastikan perkhidmatannya lebih mudah diakses dengan pendekatan individu di lokasi mereka menjalankan perniagaan.

Melalui pendekatan ini, TAP berhasrat untuk merapatkan jurang maklumat serta menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam SPK SE.

TAP menggalakkan semua individu bekerja sendiri untuk mengetahui lebih lanjut mengenai SPK SE dan mengambil langkah proaktif dalam menjamin masa depan mereka.

SE:TAPak akan terus dilaksanakan di pelbagai daerah, acara dan lokasi perniagaan di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha berterusan TAP untuk memperluaskan jangkauan kepada komuniti bekerja sendiri.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 272 2929 pada waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn. Untuk mendapatkan maklumat terkini, layari laman sesawang www.tap.com.bn atau ikuti TAP di Facebook dan Instagram di [TAP_Brunei](https://www.facebook.com/TAP_Brunei).

PPDB GAGALKAN KEGIATAN PENYELUDUPAN BARANG TEGAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Khamis, 7 Mei. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menahan seorang suspek bersama pelbagai barang tegahan dan barang yang tidak diisytiharkan hasil daripada satu rondaan di kawasan Sungai Temburong.

Hasil rondaan tersebut mendapati seorang lelaki warga tempatan berumur 35 tahun sedang menerima barangan yang disyaki barang tegahan daripada sebuah bot di tepi sungai di kawasan penurunan bot, Kampung Puni.

Suspek seterusnya ditahan di kediamannya. Hasil pemeriksaan lanjut mendapati beberapa barang tegahan dan barang yang tidak

diisytiharkan, antaranya tiga set penerima (*receiver*) Nex Parabola, 13 set penerima (*receiver*) Astro Ultra, 16 set penerima (*receiver*) Astro Go Beyond, 30 set LNB, 10 kilogram sayap ayam, 22 kotak hati buyah dan 264 tin Jagmac Tobacco serta 20 paket PanParag Supreme iaitu sejenis tembakau kunyah.

Suspek bersama kesemua barang rampasan seterusnya telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

PPDB mengingatkan orang ramai bahawa sebarang kegiatan penyeludupan serta kegagalan mengisytiharkan barangan kepada pihak berkuasa adalah satu

kesalahan di bawah undang-undang negara.

Orang ramai diseru untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dengan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah melalui Talian Kecemasan 993 atau balai polis yang berdekatan.

BALAI Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei berjaya menahan seorang suspek bersama pelbagai barang tegahan dan barang yang tidak diisytiharkan hasil daripada satu rondaan di kawasan Sungai Temburong (kanan, bawah kiri dan bawah kiri sekali).



Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja buruh yang dilaporkan lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Lamunin untuk mengesan pekerja lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh, iaitu Md. Anwar Hossan, berusia 23 tahun dengan memegang nombor pasport A05351862.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Lamunin menerusi talian, +673 4237374 atau Talian Kecemasan



BANTU kesan pekerja lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh, iaitu Md. Anwar Hossan.

Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

PUISI

Bandarku Ceria

Setelah sekian lama Bandarku Ceria tak ku kunjungi, kini tampak semakin meriah dan semakin menyerlah: Peniaga-peniaga tempatan begitu ramai dan berjaya penuh semangat dan berhemah; barangan jualan juga tampak pelbagai serta menggugah; para pengunjung begitu ramai dan penuh ghairah; ada yang membeli belah, ada yang berjoging, ada yang berbasikal dan ada yang naik *buggy*, ada yang tawar-menawar dan yang sekadar mencuci mata, membawa anak-anak berjalan mengelilingi kota, dengan pelbagai kerenah dan pelbagai fesyen dan *ulah*. Semuanya dapat merangsang fikir dan perasaan, bagi yang mahu berfikir dan punya perasaan.

Satu perkara yang ramai orang belum terfikir atau belum menyedarinya: Bandarku Ceria sebenarnya bukan berlangsung di hujung minggu, tetapi di awal minggu, sebab hari Ahad bermakna hari satu; hari Isnin adalah hari dua; hari Selasa adalah hari tiga; hari Rabu adalah hari empat dan hari Khamis adalah hari lima.

Ramai orang tidak perasaan tentang lafaz niat Solat Lima Waktu sehari semalam: *Selasa rakaathin* bermakna tiga rakaat; *Arba'a rakaathin* bermakna empat rakaat dan *khamsa* dalam bahasa Arab bermakna lima dan dengan itu hari Khamis adalah hari lima, bukan hari empat seperti yang kita terbiasa menanggapinya.

Hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan merupakan hari perkumpulan, umat Islam diwajibkan menunaikan Solat Jumaat secara berjemaah.

Manakala hari Sabtu berasal daripada Bahasa Arab *yawm as sabt* yang bermakna hari ketujuh atau tegasnya penghujung minggu.

Patutlah mulai kini kita menyedari yang selama ini kita tersalah menamakan hari, dek momokan bangsa asing yang tak tahu menyebut hari Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Lalu kita sendiri seronok terikut-ikut tanpa tahu makna dan tak tahu harga diri.

Ayo kita perbetulkan yang salah, mari kita luruskan yang bengkok, agar generasi muka tidak bakal menuding jari ke muka kita.

Menuduh kita lalai dan leka mengira pangkat dan harta semata

tetapi buta terhadap nama hari-hari dalam seminggu, sehingga kita dituduh bangsa yang dungu oleh bangsa yang celik ilmu.

Belajarlah kita muhasabah diri, membetulkan perkara remeh tentang penamaan hari. Dengan itu nanti InsyaaAllah kita jadi bangsa besar dan disegani, dengan limpahan rahmat Tuhan Rabbani. *Aamiin ya Rabbal'alamiin*.

Mahmudamit

Autisme : Diam Yang Bersuara

Dia diam, bukan *inda* pandai berkata, Cuma dunia *kitani* terlalu bisung untuk jiwanya.

Di tamu, di jalan, di mana saja, Mata-mata orang sedang memandangi, Bukan kerana memahami, Tapi hanya menilai tanpa bertanya.

Bila dia menangis tanpa suara yang jelas, *Kitani* cepat mengatakan *gauk*, Sedangkan dalam dirinya, Ribut sedang mengamuk tanpa henti.

Tangannya bergerak, tubuhnya gelisah, Bukan dibuat-buat, bukan sengaja, Tapi itu caranya bertahan, Dalam dunia yang terlalu keras untuknya.

Ibu di sisi hanya mampu menggenggam, Menelan kata orang satu per satu, Senyumnya dipaksa tenang, Walau hati hancur perlahan-lahan.

Malamnya panjang, Lebih panjang dari yang *kitani* tahu, Air mata jatuh dalam diam, Memohon dunia jadi sedikit lembut untuk anaknya.

Dia bukan kurang, Dia hanya berjuang, Dengan cara yang *kitani inda* pernah rasa.

Jadi, sebelum menilai, Cuba duduk sekejap di dunianya, Yang sunyi, yang sesak, yang penuh luka.

Dan mungkin, Buat pertama kalinya, *Kitani* akan faham, Diam itu, bukan kosong, Tapi penuh dengan jeritan, Yang *inda* pernah didengari.

Pena Merah



TESLA PANGGIL BALIK HAMPIR 219,000 KENDERAAN DI AS BERHUBUNG ISU KAMERA PANDANG BELAKANG

SAN FRANCISCO, 7 Mei. - Tesla memanggil balik 218,868 kenderaan di Amerika Syarikat (AS) susulan kelewatan paparan imej kamera pandang belakang

yang boleh meningkatkan risiko kemalangan, menurut Pentadbiran Keselamatan Lalu Lintas Lebuhraya Kebangsaan (NHTSA) pada Rabu, lapor Xinhua. Badan kawal selia itu memaklumkan paparan kamera

pandang belakang pada kenderaan terlibat mungkin mengalami kelewatan apabila kenderaan diundur, sekali gus mengurangkan penglihatan pemandu. Panggilan balik itu membabitkan

model tertentu Model 3, Model Y, Model S dan Model X, menurut NHTSA. Tesla telah mengeluarkan kemas kini perisian secara tanpa wayar bagi menangani isu berkenaan, menurut badan kawal selia itu. - ©BERNAMA

Republik Indonesia tahan 8 suspek militan dikaitkan dengan Daesh di Sulawesi Tengah

JAKARTA, 7 Mei. - Polis Republik Indonesia menahan lapan individu yang disyaki anggota kumpulan militan dikaitkan dengan Daesh dalam operasi antikeganasan bersepadu di Sulawesi Tengah, menurut media tempatan.

Jurucakap Polis Nasional, Mayndra Eka Wardhana berkata suspek dipercayai mempunyai kaitan dengan Jamaah Anshoru Daulah (JAD), rangkaian ekstremis tempatan yang dikaitkan dengan Daesh.

Beliau berkata tangkapan dibuat di daerah Parigi Moutong dan Poso pada awal pagi Rabu sebagai sebahagian daripada operasi antikeganasan bersepadu di Sulawesi Tengah, termasuk di Kampung Tomoli Utara, Kecamatan Toribulu kira-kira 1.30 pagi waktu tempatan.

"Siasatan polis mendapati suspek dipercayai terbabit dalam penyebaran propaganda ekstremis melalui pelbagai platform dalam talian," katanya menurut Agensi Berita Antara pada Khamis.

Wardhana berkata pihak berkuasa meneruskan siasatan bagi menentukan sejauh mana pembabitkan suspek dalam aktiviti militan dan kemungkinan kaitan dengan rangkaian ekstremis lebih luas. Beliau berkata operasi itu sebahagian daripada usaha berterusan untuk mencegah fahaman radikal dan mengekalkan keselamatan negara. - ©BERNAMA

Dunia hadapi krisis tenaga paling serius - Pesuruhjaya Tenaga EU

MOSCOW, 6 Mei. - Dunia sedang menghadapi krisis tenaga paling serius dalam sejarah global susulan konflik di Asia Barat, kata Pesuruhjaya Tenaga dan Perumahan Suruhanjaya Eropah Dan Jorgensen pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Dunia sedang menghadapi apa yang boleh dikatakan sebagai krisis tenaga paling serius pernah berlaku. Ia sedang menguji daya tahan ekonomi, masyarakat dan perkongsian kita," kata Jorgensen dalam sidang media di Brussels.

Sejak konflik di Asia Barat bermula, negara-negara Kesatuan Eropah (EU) telah membelanjakan EUR30 bilion (AS\$35 bilion) untuk import bahan api fosil "tanpa menerima sebarang bekalan tambahan", tambah Jorgensen. - ©BERNAMA

Penyakit serius ancam penduduk hilang tempat tinggal di Gaza

RAMALLAH, 6 Mei. - Kabinet Palestin memberi amaran mengenai teretusnya wabak penyakit serius dalam kalangan penduduk yang kehilangan tempat tinggal di Semenanjung Gaza susulan kemerosotan teruk keadaan kesihatan dan persekitaran, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Situasi itu termasuk kesan buruk pencemaran air dan kemusnahan sistem kumbahan yang menyumbang kepada peningkatan mendadak tikus dan serangga, termasuk nyamuk.

Keadaan itu disebabkan oleh sekatan berterusan rejim Israel terhadap kemasukan bekalan sanitasi dan kebersihan, bahan perubatan serta peralatan penting yang diperlukan untuk mengurus dan merawat longgokan sampah serta air sisa di pusat pemindahan dan tempat perlindungan sementara.

Kabinet itu turut menggesa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan semua badan antarabangsa berkaitan agar memikul tanggungjawab masing-masing serta mengambil tindakan segera untuk menyediakan bekalan perubatan dan pencegahan yang diperlukan bagi membendung penularan penyakit, melindungi kesihatan awam dan mencegah wabak lebih buruk.

Dalam konteks sama, Kabinet Palestin mengemukakan keputusan kerajaan Israel membina jalan kolonial baharu di Tebing Barat yang diduduki dengan mengorbankan tanah milik rakyat Palestin, sambil menyifatkannya sebagai pelanggaran terang-terangan terhadap legitimasi antarabangsa dan pengukuhan dasar peluasan penempatan haram, selain sokongan langsung terhadap keganasan peneroka haram Israel.

Kabinet itu memaklumkan lebih 1,600 serangan direkodkan pada April sahaja, dilakukan oleh peneroka haram dan tentera pendudukan Israel, termasuk serangan fizikal, pemusnahan tanah pertanian, pembakaran tanaman, sekatan akses ke tanah, rampasan harta benda serta perobohan rumah dan kemudahan awam -- menggambarkan peningkatan sistematik yang bertujuan menjejaskan kehidupan rakyat Palestin. - ©BERNAMA

2 penumpang kapal persiaran dilanda wabak Hantavirus jalani pengasingan sendiri di UK

LONDON, 7 Mei. - Dua individu yang pulang ke United Kingdom (UK) selepas berada di atas kapal persiaran MV Hondius yang dilanda wabak Hantavirus kini menjalani pengasingan sendiri ketika seorang kru warga Britain memaklumkan beliau "dalam keadaan baik" di hospital, lapor PA Media/dpa.

Agensi Keselamatan Kesihatan UK (UKHSA) memaklumkan kedua-dua individu yang menjalani pengasingan sendiri di UK itu tidak bergejala, manakala beberapa kontak rapat mereka turut "ditawarkan sokongan dan sedang menjalani pengasingan sendiri".

Pihak berkuasa kesihatan itu turut membantu mengesan individu yang mungkin berada dalam penerbangan sama dengan kes Hantavirus yang disahkan. UKHSA juga sedang membuat persiapan bagi ketibaan rakyat Britain ke UK dari kapal yang berdaftar di

Belanda itu.

Pegawai kesihatan berkata sebaik sahaja kapal itu berlabuh di Tenerife, baki rakyat Britain di atas kapal boleh dibawa pulang sekiranya mereka tidak bergejala. "Tiada rakyat Britain di atas kapal ketika ini menunjukkan gejala namun mereka dipantau rapi," menurut UKHSA dalam satu kenyataan.

Agensi itu menegaskan risiko kepada orang awam "masih sangat rendah". Seorang kru warga Britain, Martin Anstee, 56, merupakan antara individu yang dipindahkan keluar dari kapal itu.

Pemandu ekspedisi dan bekas pegawai polis itu diterbangkan ke Belanda untuk menerima rawatan perubatan pakar selepas dibawa keluar dari kapal berkenaan melalui pemindahan secara udara. Bercakap dari hospital, Anstee memberitahu Sky News: "Saya

dalam keadaan baik. Saya tidak berasa terlalu teruk. Masih banyak ujian perlu dilakukan".

"Saya tidak tahu berapa lama saya akan berada di hospital. Saya kini berada dalam pengasingan". Wabak itu, yang dikaitkan dengan tiga kematian, dipercayai berkaitan dengan ekspedisi mengkaji burung di Argentina yang disertai dua penumpang sebelum mereka menaiki kapal berkenaan.

Seramai 19 rakyat Britain disenaraikan sebagai penumpang kapal persiaran itu, yang belayar dari Argentina ke Cape Verde, bersama empat kru warga Britain.

Setiausaha Luar UK Yvette Cooper berkata Pejabat Luar sedang "bertindak segera" untuk membantu membawa pulang rakyat Britain "dengan selamat serta memastikan perlindungan kesihatan awam yang sewajarnya". - ©BERNAMA

Darurat diisytiharkan di wilayah Chuvashia, Persekutuan Rusia selepas serangan Ukraine ragut dua nyawa

MOSCOW, 6 Mei. - Pihak berkuasa di Wilayah Chuvashia, Persekutuan Rusia mengisytiharkan darurat selepas serangan Ukraine menyasarkan kawasan kediaman awam yang mengorbankan dua nyawa dan mencederakan 34 yang lain, lapor Anadolu Ajansi pada Selasa.

Gabenor Chuvashia Oleg Nikolaev menerusi platform media Persekutuan Rusia, Max, memaklumkan serangan berkenaan menjejaskan kira-kira 8,500 penduduk.

"Dengan rasa amat sedih, dua orang awam disahkan terkorban. Serangan utama itu mengenai infrastruktur awam melibatkan 28 bangunan pangsapuri.

"Dua daripada bangunan itu mengalami kerosakan pada struktur gelas beban, menjadikannya sangat berbahaya untuk didiami," katanya.

Beliau melaporkan tiga pusat perlindungan sementara telah dibuka bagi menempatkan penduduk yang memerlukan

kediaman. Susulan serangan itu, pihak berkuasa mengisytiharkan darurat peringkat wilayah bagi menangani kesan susulan.

Terdahulu, pihak berkuasa Persekutuan Rusia menyatakan Ukraine turut menyerang sebuah lagi loji penapisan minyak dan kilang peralatan elektrik, yang mengakibatkan sekurang-kurangnya tiga kecederaan.

Kementerian Pertahanan Persekutuan Rusia dalam satu kenyataan berkata Kyiv melancarkan serangan dron besar-besaran semalaman, dan Moscow berjaya menembak jatuh hampir 300 dron di 15 wilayah Persekutuan Rusia.

"Sistem pertahanan udara memintas dan memusnahkan 289 pesawat tanpa pemandu (UAV) milik Ukraine semalaman," menurut kenyataan itu.

Bagaimanapun, menurut agensi berita Ukraine, Unian, jumlah dron yang dilancarkan adalah jauh lebih tinggi dengan kira-kira 200 dron disasarkan ke

ibu negara, Moscow sahaja.

Gabenor Leningrad, Alexander Drozdenko mendakwa 29 dron Ukraine ditembak jatuh di wilayahnya, namun serangan itu menyebabkan kebakaran di Zon Industri Kirishi, lokasi sebuah loji penapisan minyak.

"Kebakaran di Zon Industri Kirishi telah dikawal. Sasaran utama musuh ialah loji penapisan minyak KINEF. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam serangan itu," katanya menerusi Telegram.

Sementara itu di Bandar Cheboksary, sebuah syarikat pembangunan dan pengeluaran peralatan elektrik menjadi sasaran serangan dron yang mencederakan tiga individu, pihak berkuasa wilayah itu berkata dalam satu kenyataan pada Selasa.

Setakat ini, Ukraine belum memberikan sebarang ulasan mengenai dakwaan Persekutuan Rusia itu, manakala pengesahan bebas sukar dilakukan berikutan konflik yang masih berterusan. - ©BERNAMA

8 maut, 41 cedera dalam kebakaran di kompleks komersial berhampiran Tehran

ISTANBUL, 6 Mei. - Sekurang-kurangnya lapan orang maut manakala 41 yang lain cedera dalam kebakaran di kompleks komersial Arghavan di Andisheh, barat ibu negara Tehran, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan.

Gabenor daerah Shahriar berkata mangsa terkorban dalam

kebakaran yang melanda kompleks itu pada Selasa, menurut Agensi Berita Separa Rasmi Fars.

Pada Selasa, Ketua Jabatan Bomba Andisheh berkata semua individu yang terperangkap akibat api dan asap berjaya dipindahkan dengan selamat dan bangunan itu telah dikosongkan

sepenuhnya.

Menurut pegawai itu, kebakaran merebak dengan pantas disebabkan oleh bahagian fasad komposit bangunan berkenaan yang membolehkan api merebak dengan cepat di bahagian luar bangunan.

Punca kebakaran masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

HARGA MAKANAN GLOBAL MENINGKAT UNTUK BULAN KETIGA BERTURUT-TURUT



ISTANBUL, 8 Mei. - Harga makanan dunia meningkat bagi bulan ketiga berturut-turut pada April, didorong terutamanya oleh kenaikan harga minyak sayuran serta peningkatan harga bijirin dan beras susulan kos tenaga yang tinggi, menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) pada Jumaat.

"Penanda aras harga komoditi makanan dunia meningkat pada April bagi bulan ketiga berturut-turut susulan kos tenaga yang tinggi dan gangguan akibat

konflik di Asia Barat," lapor Anadolu Ajansi memetik kenyataan agensi itu.

Indeks Harga Makanan FAO mencatat purata 130.7 mata pada April, meningkat 1.6 peratus berbanding paras disemak semula pada Mac dan 2 peratus lebih tinggi berbanding setahun sebelumnya.

Indeks Harga Minyak Sayuran FAO meningkat 5.9 peratus berbanding Mac kepada paras tertinggi sejak Julai 2022, disokong oleh kenaikan harga minyak sawit, soya, bunga

matahari dan biji sesawi.

Ketua Ahli Ekonomi FAO Maximo Torero berkata sistem agromakanan global terus menunjukkan daya tahan walaupun berdepan gangguan berkaitan krisis Selat Hormuz, manakala minyak sayuran mencatat kenaikan harga lebih ketara sebahagian besarnya disebabkan harga minyak yang lebih tinggi serta permintaan biofuel yang meningkat.

Indeks Harga Bijirin FAO meningkat 0.8 peratus bulan ke bulan, mencerminkan kenaikan

harga gandum dan jagung, manakala Indeks Harga Beras meningkat 1.9 peratus apabila harga minyak mentah dan produk turunannya meningkatkan kos pengeluaran dan pemasaran di negara pengekspor beras.

Indeks Harga Daging FAO mencapai paras tertinggi baharu pada April, meningkat 1.2 peratus berbanding Mac dan 6.4 peratus tahun ke tahun, didahului oleh kenaikan harga daging lembu.

Sebaliknya, Indeks Harga Produk Tenusu susut 1.1 peratus berbanding Mac, manakala Indeks

Harga Gula turun 4.7 peratus, tertekan oleh jangkaan bekalan global yang mencukupi.

FAO turut menaikkan unjuran pengeluaran bijirin global bagi 2025 kepada 3.04 bilion tan, meningkat 6 peratus berbanding tahun sebelumnya, manakala unjuran pengeluaran gandum bagi 2026 disemak turun sedikit kepada 817 juta tan. - ©BERNAMA

3 terkorban dalam letusan gunung berapi di Republik Indonesia

JAKARTA, 8 Mei. - Tiga orang terbunuh termasuk dua warga Republik Singapura selepas Gunung Dukono meletus di timur Republik Indonesia pada Jumaat, menurut pihak berkuasa, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Mangsa warga Republik Singapura itu merupakan sebahagian daripada kumpulan pendaki di gunung berapi

berkenaan di wilayah Maluku Utara ketika letusan berlaku pada pagi Jumaat, kata Ketua Polis tempatan Erlichson Pasaribu.

Agensi Pengurusan Bencana Nasional memaklumkan sekurang-kurangnya lima pendaki cedera dalam letusan itu.

Erlichson berkata kira-kira 20 pendaki dipercayai masih

terperangkap di gunung berapi itu selepas letusan, dengan pasukan penyelamat sedang menjalankan operasi mencari.

Ketua pos pemerhatian gunung berapi berkenaan, Bambang Sugiono, berkata aktiviti pendakian di Gunung Dukono telah dilarang sejak 17 April susulan peningkatan aktiviti gunung berapi.

Beliau berkata pihak berkuasa mengesyaki pendaki terbabit memasuki kawasan larangan

tanpa melaporkan diri kepada pos pemerhatian. - ©BERNAMA

Seoul kekal dasar 'hidup bersama secara aman' meski perlembagaan Korea Utara dipinda

SEOUL, 7 Mei. - Republik Korea Selatan akan terus melaksanakan dasar "hidup bersama secara aman" yang bertujuan mewujudkan keamanan dengan Korea Utara, meskipun pindaan terbaharu perlembagaan Pyongyang dilihat bertujuan menjauhkan diri daripada Seoul, lapor Agensi Berita Yonhap memetik pejabat presiden pada Khamis.

"Kerajaan akan menjalankan semakan menyeluruh terhadap butiran berkaitan pindaan perlembagaan Korea Utara. Berdasarkan semakan itu,

kerajaan akan terus melaksanakan dasar hidup bersama secara aman bagi Semenanjung Korea secara konsisten," menurut Cheong Wa Dae atau Rumah Biru.

Perlembagaan Korea Utara yang dipinda, dikeluarkan oleh Kementerian Penyatuan Korea Selatan pada Rabu, mencerminkan perubahan dasar pemimpin Korea Utara Kim Jong-un yang diumumkan pada 2023, iaitu menganggap Republik Korea Selatan sebagai negara berasingan dan bukan lagi

rakan ke arah penyatuan semula.

Perlembagaan terbaharu itu menggugurkan ikrar versi terdahulu untuk mencapai penyatuan Korea, selain mentakrifkan wilayah Korea Utara tanpa merujuk kepada Republik Korea Selatan. Bagaimanapun, pindaan itu tidak menggambarkan Republik Korea Selatan sebagai musuh, walaupun Kim sebelum ini menyifatkan kedua-dua Korea sebagai negara "bermusuhan" dan Seoul sebagai negara "paling bermusuhan". - ©BERNAMA

Pakar PBB gesa AS hentikan 'kebuluran tenaga' di Cuba

GENEVA, 8 Mei. - Pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis memberi amaran bahawa sekatan bahan api yang dikenakan terhadap Cuba sejak Januari oleh Presiden Amerika Syarikat Donald Trump merupakan satu bentuk 'kebuluran tenaga' di negara itu, lapor Xinhua.

"Tindakan Amerika Syarikat menyebabkan Cuba mengalami kebuluran tenaga, iaitu keadaan apabila kekurangan bahan api melumpuhkan fungsi perkhidmatan penting yang diperlukan untuk kehidupan yang bermaruah," kata tiga pakar bebas Majlis Hak Asasi Manusia PBB iaitu Surya Deva, Sofia Monsalve Suarez dan Pedro Arrojo-Agudo dalam satu kenyataan bersama.

Sejak Januari, pentadbiran Trump mengenakan sekatan minyak terhadap Cuba dan berulang kali mengancam tindakan ketenteraan untuk menggulingkan kerajaan Cuba.

"Sekatan haram" oleh AS itu bukan sahaja mengganggu kehidupan harian rakyat Cuba tetapi juga menjejaskan "pelaksanaan pelbagai hak asasi manusia", menurut ketiga-tigapakar berkenaan.

Kekurangan bahan api menghalang rakyat Cuba daripada mendapatkan rawatan di hospital dan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menghadiri sekolah.

Mereka memetik laporan bahawa sistem kesihatan Cuba kini berdepan penangguhan lebih 96,000 pembedahan, termasuk 11,000 melibatkan kanak-kanak, manakala kelewatan dalam program imunisasi kebangsaan turut menjejaskan ribuan bayi.

Sambil menegaskan yang kebuluran tenaga bercanggah dengan norma hak asasi manusia antarabangsa, kesemua pakar itu menggesa Washington agar menghentikan penggunaan langkah sedemikian sebagai 'alat paksaan'. - ©BERNAMA

Syarikat penerbangan Eropah menghadapi krisis terburuk sejak pandemik apabila harga bahan api melambung tinggi

FRANKFURT, 7 Mei. - Sektor penerbangan Eropah menghadapi krisis paling teruk sejak pandemik 2020, memandangkan konflik Timur Tengah yang berterusan telah mendorong harga bahan api jet ke paras tertinggi berbilang tahun dan memaksa syarikat penerbangan utama untuk mengubah strategi mereka.

Dalam laporan pendapatan suku pertamanya yang diterbitkan pada hari Rabu, syarikat penerbangan utama Jerman, Lufthansa, berkata ia telah melindungi sekitar 80 peratus daripada keperluan bahan api jetnya.

Walaupun terdapat langkah-langkah ini, ia menjangkakan kos berkaitan bahan api pada tahun 2026 akan meningkat sebanyak 1.7 bilion euro (2 bilion dolar AS), hampir 24 peratus lebih tinggi daripada ramalan sebelum ini, terutamanya didorong oleh lonjakan harga tenaga dan pasaran penerbangan global yang terganggu.

Kumpulan itu berkata ia merancang untuk mengimbangi beban tambahan melalui pendapatan tiket yang lebih tinggi, pengoptimuman rangkaian dan langkah pemotongan kos selanjutnya pada suku akan datang.

"Krisis berterusan di Timur Tengah, digabungkan dengan peningkatan kos bahan api dan kekangan operasi, menimbulkan cabaran besar untuk ekonomi global, industri penerbangan dan syarikat kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif Lufthansa, Carsten Spohr.

Menurut Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), harga bahan api jet melonjak 106.6 peratus tahun ke tahun pada bulan Mac di tengah-tengah ketegangan geopolitik yang semakin meningkat. Di Eropah, harga telah meningkat ke tahap tertinggi sejak 2022.

Ketua Pengarah IATA, Willie Walsh berkata bahawa walaupun industri kekal dalam keadaan yang lebih baik berbanding semasa perintah berkurung pandemik 2020, krisis bahan api semasa telah muncul sebagai kejutan paling teruk kepada penerbangan global sejak COVID-19.

Menurut kajian yang dikeluarkan oleh Allianz Trade minggu lalu, Eropah hanya menghasilkan separuh daripada minyak tanah yang diperlukan oleh pasaran domestik, menyebabkan sektor penerbangan rantau ini bergantung kepada import untuk baki

keperluan bahan api jetnya.

Beberapa syarikat penerbangan Eropah telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menangani peningkatan kos bahan api dan kebimbangan mengenai potensi gangguan bekalan.

Air France-KLM berkata ia merancang untuk mengenakan caj tambahan sehingga 50 euro (58.73 dolar) untuk penerbangan jarak jauh, manakala EasyJet dan Ryanair memberi amaran bahawa tambang boleh meningkat lagi jika pasaran bahan api kekal ketat.

Lufthansa berkata ia telah pun melaksanakan kenaikan harga tiket.

Penganalisis di Allianz Trade melukiskan gambaran yang sama suram, menggambarkan bahawa tambang penerbangan antarabangsa telah meningkat antara 5 peratus dan 15 peratus.

Lufthansa juga sedang menilai pilihan persinggahan untuk laluan jarak jauhnya ke Asia dan Afrika sebagai langkah kontingensi terhadap potensi kegagalan pengisian bahan api di lapangan terbang destinasi.

Mengetengahkan betapa seriusnya krisis bekalan, Spohr berkata, "Kita hanya boleh terbang jika kita mempunyai bahan api". - ©XINHUA

Republik India : 165 kanak-kanak jatuh sakit selepas makan di sekolah, ular dijumpai dalam makanan

HYDERABAD, 8 Mei. - Kira-kira 165 kanak-kanak jatuh sakit pada Khamis selepas menikmati makan tengah hari percuma di sebuah sekolah di negeri Bihar, timur Republik India. Menurut laporan media tempatan, keluarga beberapa kanak-kanak mendakwa seekor ular dijumpai dalam periuk yang digunakan untuk menyimpan makanan berkenaan.

Sekolah menengah kerajaan yang menyediakan hidangan dikenali sebagai "mid-day meal" itu terletak di sebuah kampung di daerah Saharsa. Lebih 500 murid berada di sekolah ketika kejadian, namun tidak semua sempat menikmati hidangan itu sebelum ular berkenaan ditemukan.

Kanak-kanak terbabit pada mulanya menerima rawatan di pusat kesihatan primer selepas mengalami muntah dan sakit perut, sebelum dipindahkan ke fasiliti perubatan yang lebih besar.

Skim "Mid-Day Meal" Republik India dilaksanakan bagi menangani masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak daripada keluarga miskin, selain menggalakkan kehadiran mereka ke sekolah secara berkala. Laporan mengenai murid jatuh sakit selepas makan atau minum di sekolah bukan perkara luar biasa di negara itu.

Pada Mei tahun lepas, lebih 100 kanak-kanak jatuh sakit di kawasan Mokama, Patna di Bihar selepas tukang masak dilaporkan menghidangkan makanan kepada mereka setelah membuang bangkai ular daripada makanan itu. - ©BERNAMA



30 PEMAIN TANDATANGANI KONTRAK BERSAMA GERGASI FC

PENGERUSI Kelab Bola Sepak Gergasi, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bola Sepak Gergasi, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery bergambar ramai pada Majlis Penandatanganan Pemain bersama Gergasi FC di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Gergasi FC terus memperkukuhkan barisan pasukan apabila berjaya mengikat seramai 30 pemain pada Majlis Penandatanganan Kontrak Pemain sebagai persiapan berterusan menyertai pelbagai kejohanan bola sepak tempatan dan luar negara.

"Misi dan visi penubuhan Gergasi FC sangat jelas, iaitu untuk menjadi sebuah pasukan yang berkembang, konsisten dan mampu bersaing sehingga ke tahap yang lebih tinggi," jelas Pengurus Am Gergasi FC, Awangku Muhd. Zikry Adam bin Pengiran Zamri yang menyaksikan Majlis Penandatanganan Pemain bersama Gergasi FC di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies, di sini.

Katanya, Gergasi FC telah berjaya melaksanakan kira-kira 70 peratus objektif sejak kelab itu ditubuhkan, walaupun masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan.

"Pencapaian ini membuktikan kelab ini mempunyai semangat juang, disiplin serta kesungguhan yang tinggi untuk mengorak langkah mencipta kemajuan.

"Saya percaya usaha keras daripada semua pihak telah membawa banyak

perkembangan positif kepada pasukan," ujarnya.

Beliau berharap Gergasi FC akan terus mampu membina dan mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang dengan komitmen tinggi dan perancangan yang tersusun.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan ialah Pengerusi Kelab Bola Sepak Gergasi, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bola Sepak Gergasi, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery.

Ketua Jurulatih Gergasi FC, Awang Haji Rozaimenizam bin Haji Jainal melahirkan rasa optimis terhadap kemajuan kelab berkenaan sambil mengharapkan komitmen yang tinggi daripada semua pemain.

"Hari ini merupakan satu langkah penting buat Gergasi FC untuk membina sebuah pasukan yang lebih mantap dan kompetitif.

"Kita perlu bersyukur kerana mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran bola sepak, dan saya percaya para pemain mempunyai potensi besar untuk membawa

■ Siaran Akhbar dan Foto : Gergasi FC pasukan ini ke tahap yang lebih tinggi," jelasnya.

Stesen TV AS tawar US\$50,000 kepada peminat untuk tonton semua 104 perlawanan Piala Dunia

NEW YORK, 7 Mei. - Penyiar Amerika Syarikat (AS), Fox dan portal pekerjaan Indeed sedang mencari seorang peminat untuk menonton kesemua 104 perlawanan Piala Dunia bola sepak lelaki menerusi televisyen, dengan ganjaran US\$50,000 ditawarkan kepada peminat bertuah itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Iklan pekerjaan unik itu diterbitkan lima minggu sebelum kejohanan 48 pasukan itu bermula pada 11 Jun di Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada. Kejohanan

itu dijadual berakhir pada 19 Julai. Fox pada Rabu memaklumkan peminat berkenaan akan menonton perlawanan dari "ruang tontonan khas yang dibina di tengah-tengah Times Square di New York City".

Peminat itu dijangka menghasilkan kandungan media sosial sepanjang Piala Dunia, yang turut menyaksikan perlawanan terakhir peringkat kumpulan berlangsung serentak. Peminat itu juga perlu menonton menerusi dua televisyen. - ©BERNAMA

BAM nafi ketandusan bakat pemain perseorangan

KUALA LUMPUR, 7 Mei. - Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menafikan bahawa badan induk itu kekurangan pemain perseorangan yang berbakat.

Dakwaan itu dilemparkan beberapa pihak susulan prestasi hambar pemain perseorangan lelaki BAM pada kejohanan Piala Thomas, baru-baru ini.

Setiausaha Agung BAM, Datuk Kenny Goh berkata badan induk itu sebenarnya memiliki pemain-pemain yang berbakat bagi acara individu, namun kumpulan berkenaan kadangkala kurang bernasib baik apabila dilanda kecederaan.

"Saya tak bersetuju kalau kata kita (BAM) tak cukup *talent* (bakat), cuma mungkin kita kurang bernasib baik daripada segi acara perseorangan. Kerana kita dah ada *talent*, kemudian cedera pula.

"Anda semua tahu berapa pemain yang cedera, lepas itu ada yang dalam proses pemulihan, dan juga ada yang baru saja pulih. Jadi, saya rasa bukan kita kekurangan bakat, cuma kurang bernasib baik dari segi itu," katanya ketika ditemui, semalam.

Dalam pada itu, Kenny berkata bagi memastikan BAM tidak ketandusan bakat baharu, pencari bakat badan induk itu sentiasa melakukan pemantauan berterusan pada pelbagai kejohanan kebangsaan sepanjang tahun.

Malah, beliau berkata selain pemantauan pada kejohanan kebangsaan, BAM turut mengadakan pemilihan bakat sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memastikan pemain terbaik negara dapat dikenal pasti dan diserap ke dalam sistem pembangunan BAM. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjadi pelabur pertama dalam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Baginda bertitah demikian semasa berkenan melancarkan TAIB di Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera. Baginda juga berharap supaya orang ramai di negara ini sama-sama memberikan sokongan untuk sama-sama melabur dalam TAIB.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi September 1991.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SABAR DALAM MENGHADAPI CABARAN DAN AMANAH DALAM SETIAP TANGGUNGJAWAB YANG DIPEGANG